

Siri Kajian AZKA | 1/2019

KUTIPAN ZAKAT RENTAS SEMPADAN

-Teori Fiqh dan Realiti di Malaysia



AZKA
AKADEMI ZAKAT

PPZ[®]
MAIWP

SIRI KAJIAN AZKA
KUTIPAN ZAKAT
RENTAS SEMPADAN:
TEORI FIQH DAN REALITI
DI MALAYSIA

PENASIHAT

Tn. Haji Ahmad Shukri Bin Yusoff

Ketua Pegawai Eksekutif

Pusat Pungutan Zakat

EDITOR

Mohamad Noor Sahidi Bin Johari

Muhsin Bin Nor Paizin

Akademi Zakat (AZKA)

Pusat Pungutan Zakat

KUMPULAN PENYELIDIK

Dr. Muhammad Ikhlas Bin Rosele

Dr. Luqman Bin Hj. Abdullah

Dr. Nor Aini Binti Ali

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya

© 2019 Pusat Pungutan Zakat (PPZ)

Pusat Pungutan Zakat (PPZ)

Wisma PPZ, 68-1-6,

Dataran Shamelin, Jalan 4/91,

Taman Shamelin Perkasa,

56100 Kuala Lumpur

Tel : 03-92895757

www.zakat.com.my

ISBN 978-967-14685-9-3

All rights reserved.

No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or by any means, whether electronic, mechanic, photocopying, recording, or otherwise without prior permission of the publisher.

Disclaimer

The views and opinions expressed in this research paper are solely those of the research team and do not necessarily represent the official views of the Pusat Pungutan Zakat.

Kutipan Zakat Rentas Sempadan: Teori Fiqh dan Realiti di Malaysia

Islam telah mewajibkan zakat pada umat Islam yang berkemampuan dan dalam kategori kaya, dalam konteks ini kaya merujuk kepada pemilik nisab. Selain itu dalam al-Quran kewajipan zakat tidak terhenti dengan penggunaan keluaranlah zakat **“وَأَتُوا الزَّكَاةَ”** (al-Baqarah, 2: 43) namun dalam sebahagian tempat yang lain disebut dengan kalimah kutiplah zakat **“خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً”**. Hal ini memberi kefahaman zakat bukanlah sahaja dituntut pada umat Islam mengeluarkannya, bahkan ia menuntut pihak bertanggungjawab untuk melakukan kutipan demi menjamin pelaksanaan yang lebih baik.

Perintah mengutip ini jelas merupakan satu gambaran kepada keperluan mewujudkan institusi khas dalam kutipan zakat. Namun, dalam melaksanakan kutipan zakat terdapat beberapa aturan yang telah Islam gariskan. Antara yang boleh dirumuskan;

- 1) Zakat hendaklah dikutip daripada orang yang memiliki nisab (kaya) (al-Mazini, 2016)
- 2) Mengambil kira kemaslahatan dan hajat pembayar zakat
- 3) Zakat dikutip daripada orang kaya dalam satu kawasan kemudian diagihkan kepada orang miskin dalam kawasan tersebut. Hal ini difahami daripada hadis;

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah menfardukan zakat yang dikutip daripada orang kaya dari kalangan mereka dan dikembalikan kepada orang miskin dari kalangan mereka” (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

- 4) Zakat juga perlu ditaksir sebelum ia dikutip (al-Qaradawi, 2004)

Garis panduan itu masih perlu dikembangkan dalam pembinaan konsep kutipan zakat dalam fiqh dan realiti di Malaysia. Sejak akhir ini timbul isu yang dilihat terkeluar dari prinsip lokaliti zakat sebagaimana yang dilaporkan dalam Utusan Online “Kutip, Bayar Luar Sempadan” (Utusan.com, 2014);

“Adalah diakui bahawa memang wujud kegiatan daripada pihak tertentu yang menjalankan usaha mengutip zakat di luar daripada batas sempadan negeri atau negara mereka. Maka, sudah pastilah hal ini akan mencetuskan beberapa persoalan.

Misalnya, apakah hukumnya bagi mereka yang menjalan usaha mengutip zakat di luar daripada batas sempadan mereka? Kedua, apakah hukumnya pula bagi orang yang menunaikan zakat kepada mereka? Ketiga, adakah hal ini bercanggah dengan ketetapan syarak dan apakah ketetapan fatwa mengenainya? Adakah ia juga sah atau tidak?”

Begitu juga kajian Raja Muhd ‘Azman et.al. (2016) yang mendedahkan seperti berikut;

“Terdapat juga agen yang dilantik oleh MAIPs kepada organisasi di luar negeri Perlis seperti di negeri Selangor dan Perak.”

Hal ini menimbulkan persoalan yang penting iaitu kedudukan kutipan zakat luar sempadan dalam teori fiqh. Selain itu, dalam konteks Malaysia ia sudah tentu menimbulkan konflik apabila diamati dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan enakmen negeri contohnya Seksyen 16 (b) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559).

Berorientasi daripada persoalan, isu dan kefahaman ini, kajian akan dilakukan untuk melihat kedudukan persempadanan kutipan zakat dalam teori hukum Islam. Selain itu, bagi menjadikan kajian lebih bersifat lokal dan kontekstual, realiti di Malaysia terutama pandangan pakar dan sebarang *literature* yang berautoriti dalam persempadanan kutipan zakat dijadikan asas melihat realiti kutipan zakat rentas sempadan di Malaysia.

Justeru itu, penyelidikan ini menggariskan tiga objektif kajian seperti berikut:

- 1) Menjelaskan konsep dan falsafah kutipan zakat dalam Islam
- 2) Mengkaji teori persempadanan kutipan zakat dalam hukum fiqh Islam
- 3) Menganalisis realiti kutipan zakat rentas sempadan dalam realiti di Malaysia berasaskan teori persempadanan kutipan zakat dan maqasid al-syariah.

Manakala, skop kajian hanya melibatkan perbincangan isu kutipan zakat rentas sempadan dengan berpandukan *literature* dan beberapa pandangan pakar untuk mendapatkan maklumat realiti rentas sempadan yang berlaku.

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan data-data kepustakaan sebagai sumber utama. Selain itu, kajian juga akan menemubual beberapa pakar sebagai rujukan terhadap isu kutipan zakat rentas sempadan. Kajian dilakukan dengan mengutamakan kitab-kitab fiqh dan melakukan proses takyif fiqhi jika terdapat perbahasan yang belum disentuh secara jelas dalam hukum Islam. Oleh itu analisis terhadap data-data tersebut akan dilakukan secara induktif (*istiqrā'*) dan deduktif (*istinbat*) serta komparatif (*muqaranah*). Temubual akan dilakukan kepada beberapa pakar untuk mendapat kefahaman yang jelas mengenai kutipan zakat serta persempadanan kutipan zakat.

Kajian ini penting bagi menyediakan penyelesaian fiqh terhadap isu kutipan zakat rentas sempadan yang berlaku di Malaysia. Ia juga mampu memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang kedudukan lokasi pembayaran yang mereka perlu keluarkan. Hal ini mungkin timbul daripada kekeliruan konflik tempat tinggal, kampung dan tempat bekerja pembayar zakat. Kajian ini juga boleh menjadi kata putus ataupun rujukan penyelidik selanjutnya serta usaha untuk mengeluarkan fatwa dan garis panduan kutipan dan pembayaran zakat institusi zakat di Malaysia umumnya.

Kata Kunci:

Kutipan zakat, Rentas sempadan, Fiqh zakat, Malaysia

Konsep Zakat Dan Prinsip Kutipan Zakat

Zakat (الزكاة) berasal dari perkataan arab yang memberi pengertian dari sudut bahasa adalah pertambahan dan subur. Selain itu ia juga membawa pengertian lain seperti suci, berkat, baik (al-salah) dan pujian (Masyhur, 1993). Kesemua pengertian ini secara langsung atau tidak langsung telah menggambarkan prinsip zakat dalam syariat Islam. Zakat dari segi istilah pula bermaksud (al-Bahuti, 1993):

Hak yang wajib ditunaikan dengan kadar tertentu daripada harta tertentu, untuk golongan tertentu pada waktu yang tertentu

Menurut Qasim bin Muhammad al-Nuri (2004) zakat dari sudut syarak membawa maksud;

Suatu nama bagi apa-apa dikeluarkan daripada harta atau daripada badan secara khusus

Pengertian zakat yang dikemukakan ini adalah berbentuk umum. Ia akan diperincikan dalam setiap jenis zakat yang terdapat dalam perbincangan fiqh zakat. Daripada pengertian ini menunjukkan bahawa zakat terdapat dalam dua bentuk iaitu zakat harta dan zakat badan (yang disebut sebagai zakat fitrah).

Hukum zakat adalah wajib sebagaimana yang disebut di dalam banyak ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW (Khamis, t.t.). Tambahan pula, terdapat ijmak wajib mengeluarkan zakat bagi harta-harta tertentu (Ibn Mundhir, 1999). Selain itu, terdapat ancaman azab bagi sesiapa yang kedekut dan enggan mengeluarkan zakat di dalam al-Quran juga hadis (Ibn Baz, 1413H). Manakala orang yang mengingkari kewajipan zakat dan menafikan kefarduannya adalah kafir (murtad) dan boleh dihukum bunuh ('Abduh Ghalin, 1988; Mohd Faez, 2014).

Zakat terbahagi kepada 2 bahagian iaitu zakat harta dan zakat fitrah ataupun disebut sebagai zakat abdan. Pengertian zakat harta adalah merujuk kepada pengertian zakat yang telah disebut sebelum ini. Jenis-jenis zakat harta adalah (al-Hisni, 2008);

1) Zakat binatang ternak. Zakat yang dikenakan atas binatang seperti unta, lembu, kerbau, kambing dan biri-biri. Binatang tersebut hendaklah dipelihara secara dilepaskan (al-sa'imah) dan tidak digunakan untuk

melakukan kerja. Di samping itu, ia perlu memenuhi syarat-syarat umum harta zakat.

- 2) Zakat emas dan perak. Emas dan perak yang dipunyai dalam bentuk asal atau jorong hendaklah dikenakan zakat. Zakat akan dikenakan apabila emas dan perak tersebut mencukupi nisab, iaitu senilai dengan 85 gram emas dan melalui haul setahun. Begitu juga emas perhiasan akan dikenakan zakat jika memenuhi syarat-syaratnya.
- 3) Zakat tanaman dan buah-buahan. Tanaman dan buah seperti kurma, barli dan gandum akan dikenakan zakat. Tanaman tersebut hendaklah dikenakan zakat apabila mencukupi nisab (5 awsuq) tanpa disyaratkan melalui haul. Zakat dikeluarkan sejeurus ia dituai.
- 4) Zakat harta perniagaan. Zakat perniagaan dikenakan atas barang perniagaan ('arud al-tujarah). Syarat barang perniagaan tersebut ada dua, iaitu diperolehi melalui transaksi dan mempunyai niat untuk melakukan perniagaan ketika harta tersebut dibeli. Selain itu, zakat perniagaan perlu melalui haul setahun, cukup nisab (mengikut nisab zakat emas) dan dikeluarkan dengan kadar 2.5%.

Selain jenis-jenis tersebut, terdapat beberapa jenis zakat harta yang masih menjadi isu perbincangan dalam fiqh zakat, antaranya adalah;

- 1) Zakat al-mustaghallat. Al-Mustaghalat ialah harta-harta yang tidak diperdagangkan. Akan tetapi ia digunakan untuk menyuburkan harta atau memperolehi pendapatan dengan cara tertentu. Ia menjadi sumber pendapatan bagi tuannya dalam bentuk faedah atau usaha dengan cara menyewakan atau menjual hasilnya. Harta al-mustaghalat tidak dikenakan zakat akan tetapi hasil dan keuntungan yang diperolehi daripadanya perlu dizakatkan (Abd Aziz, Mohamad Amin & Shahizan, 2014).
- 2) Zakat harta yang dikeluarkan dari laut. Contoh harta yang dikeluarkan dari laut adalah mutiara, ikan dan kasturi. Zakat akan dikenakan ke atas hasil laut ini bersandarkan kepada beberapa athar. Zakat dikenakan sebanyak 1/5 atau 20% daripada hasil tersebut (Ash Shiddieqy, 2006).

- 3) Zakat harta karun dan galian. Harta karun adalah harta tinggalan yang terpendam atau tersembunyi. Sekiranya harta tersebut ditemui di tempat yang tidak dihuni dan di tanah bukan milik sesiapa, zakat akan dikeluarkan sebanyak 20% tanpa nisab dan haul. Manakala hasil galian berupa emas, timah, arang, minyak dan sebagainya juga dikenakan zakat. Zakat dikenakan sebanyak 2.5% dari hasil galian yang diperolehi tanpa syarat nisab dan haul (Wawan Shofwan, 2011).
- 4) Zakat mal al-mustafad. Mal al-Mustafad adalah apa yang diperolehi seseorang dan memilikinya dengan pemilikan yang baharu ketika dalam haul melalui jalan atau cara yang diakui syarak. Ia merupakan harta yang subur. Oleh itu, ia dikenakan zakat kerana sifatnya yang subur.
- 5) Zakat saham dan bon. Bon ialah sekuriti hutang jangka panjang yang dikeluarkan oleh sesebuah entiti perniagaan ataupun pihak kerajaan. Ia merupakan satu surat jaminan, iaitu syarikat pengeluar yang akan memberi jaminan pada pemegang bon untuk membayar faedah secara berkala dan wang pokok pada akhir tempoh matangnya. Ia adalah satu kontrak antara syarikat pengeluar dan para pelabur. Bon dikenakan zakat sebanyak 2.5% apabila cukup haul dan nisab. Perbincangan zakat bon adalah merujuk kepada perbincangan zakat pemiutang.

Saham adalah pemilikan sebahagian tertentu daripada pihak modal syarikat. Saham juga dikenakan zakat apabila cukup haul dan nisab dengan melihat kepada beberapa syarat tertentu.

Zakat fitrah pula diertikan sebagai zakat yang dikeluarkan kerana selesainya menjalani ibadah Ramadan. Al-Jazairi pula menyatakan zakat fitrah adalah sunnah yang diwajibkan terhadap setiap individu kaum Muslimin (al-Jazairi, 2000), Zakat fitrah hukumnya wajib dikeluarkan bagi setiap individu muslim sama ada masih kecil, dewasa, lelaki, perempuan, ini adalah secara umumnya perkataan ahli ilmu, juga diwajibkan zakat ke atas anak yatim, hendaklah wali mereka yang mengeluarkan zakat tersebut dari harta mereka, tidak ada khilaf pun dalam persoalan ini kecuali Muhammad bin al-Hassan yang tidak mewajibkan zakat bagi kanak-kanak (Ibn Qudamah, 1985).

Prinsip Kutipan Zakat

Zakat pada umumnya diperoleh dari orang kaya dan berkemampuan. Definisi kaya juga merupakan satu perbincangan yang besar dalam hukum Islam. Namun kajian ini tidak akan fokus kepada erti kaya tetapi lebih membincangkan bagaimana zakat diperoleh. Perbincangan ini tergolong dalam terma kutipan zakat. Perkara utama yang menjadi persoalan bagaimana zakat dikutip. Didin

Hafidhuddin (2007: 2002) menjelaskan dalam kutipan zakat terdapat dua elemen penting iaitu otoritatif dan karitatif. Karitatif adalah kedermawanan dan otoritatif pula bermakna kewajipan.

Pemberian zakat adalah sesuatu yang wajib, hal ini jelas apabila kebanyakan ayat al-Quran dan hadis yang memberi isyarat kewajibannya. Akan tetapi elemen karitatif bukanlah merujuk kepada penafian wajib tersebut, tetapi lebih kepada pendekatan. Hal ini jelas firman Allah SWT:

Yang bermaksud: “Dan dirikanlah solat, berikanlah zakat dan rukuklah bersama orang yang rukuk” (Surah al-Baqarah, 2: 43)

Berikanlah zakat dalam hal ini merujuk kepada perintah kewajipan zakat. Namun ia dilihat dari sudut tindakan pemberi yang mempunyai kekayaan lalu mengetahui kewajipan dan melaksanakannya. Berbeza apabila difahami dalam kerangka otoritatif, iaitu kewajipan yang bersifat paksaan (Andri, 2009). Hal ini jelas dalam firman Allah SWT:

Yang bermaksud: “Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.” (Surah al-Tawbah, 9: 103)

Ayat ini pula jelas menunjukkan bahawa zakat bukan sahaja diberi dalam kerangka karitatif, ia juga perlu dikutip, dalam makna yang lain ada pihak yang berkuasa untuk mengutip zakat tersebut. Hal ini, disokong dalam banyak nas. Antara yang menjadi asas adalah sebagaimana pengutusan Muadh bin Jabal ke Yaman dan peristiwa Abu Bakar RA yang memerangi golongan yang enggan membayar zakat. Oleh itu, zakat perlu dikutip demi memastikan kewajipan ke atas harta terlaksana.

1 Di Malaysia elemen karitatif ini terikat dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 yang bersidang pada 21 - 23 November 2006 telah membincangkan Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian Dan Qada Zakat. Muzakarah telah memutuskan bahawa: Dari segi siasah dan masalah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut. Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau Ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib.

Hal tersebut juga suatu yang jelas dalam firman Allah SWT:

Maksudnya: Iaitu orang-orang yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang den memberi memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan. (Surah al-Hajj, 11: 41)

Mengenai pengertian “orang-orang yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka”, menurut Ibn Abi Najih ia merujuk kepada pemerintah, al-Dahhak juga berpendapat sedemikian dengan menyatakan bahawa ayat tersebut menyenaraikan syarat-syarat yang digariskan Allah kepada sesiapa yang diberi kekuasaan untuk memerintah (al-Qurtubi, 2006: al-Zawini, 1999). Oleh itu bagi mereka yang diberi kekuasaan memerintah perlulah menjalankan empat tanggungjawab dan amanah tersebut iaitu, mendirikan solat, menunaikan zakat, menyuruh berbuat kebaikan dan mencegah kemungkaran (al-Razi, 1981).

Pemerintah juga ditugaskan untuk mengutip zakat daripada umat Islam walaupun secara paksa. Pekara ini dapat difahami daripada hadis Nabi SAW yang bermaksud;

Barang siapa memberikan (zakat)nya, dengan mengharap pahala (dari Allah), maka baginya pahalanya, dan barang siapa menolaknya maka sesungguhnya kami, mengambilnya dan separuh hartanya sebagai kewajiban dari kewajiban Tuhan kami, tidak halal bagi keluarga Muhammad sama sekali dari zakat itu. (Hadis riwayat Ahmad dan al-Nasa’i)

Menurut al-Mawardi (1973: 2000) terdapat sepuluh tugas-tugas Imam atau pemerintah. Di dalam 10 tugas tersebut tersenarai salah satunya tugas pemerintah terhadap kutipan zakat. Tugasnya adalah mengambil fay’ dan sedekah selaras dengan apa yang diwajibkan secara nas mahupun ijihad tanpa rasa takut dan paksa.

Imam bertanggungjawab untuk memungut sedekah ataupun zakat sesuai dengan syariat dan ijihad yang dilakukan seperti mana yang disebut oleh al-Mawardi (1973). Ia secara langsung telah membuka ruang yang luas untuk para pemerintah mencari jalan yang terbaik untuk memungut zakat dengan jalan ijihad. Selagi mana prinsip-prinsip dasar syariah dan keadilan tidak dilanggar.

Tambahan pula terdapat satu kaedah fiqh (al-qawa'id al-fiqhiyyah) yang menjelaskan bahawa tindakan dan keputusan pemerintah adalah berteraskan masalah, iaitu;

Maksudnya: Perbuatan pemerintah ke atas rakyat adalah tertakluk kepada kemaslahatan (al-Suyuti, t.t.).

Kaedah fiqh ini adalah bersandarkan athar yang diriwayatkan daripada al-Barra' bin 'Azib bahawa 'Umar r.a berkata: Sesungguhnya aku meletakkan diriku dalam pengurusan menjaga harta Allah sama seperti penjaga harta anak yatim, sekiranya aku berhajat padanya aku akan mengambil harta tersebut, sekiranya aku senang aku pulangkan harta tersebut, maka sekiranya aku telah kaya aku akan berhenti (Ibn Abi Syaybah, 2004).

Sekiranya perbuatan mengutip zakat itu dari sumber-sumber yang masih menjadi khilaf dikalangan ulama telah diputuskan oleh pemerintah adalah demi kemaslahatan rakyat, maka pemerintah berhak untuk melakukan perkara tersebut. Namun, perlulah dijelaskan bahawa dalam pembahagian zakat pemerintah perlulah adil dan haram baginya untuk menggunakan harta zakat secara berlebihan (Ibn Nujaym, 1999).

Pemerintah mempunyai kuasa dalam menjaga dan menggunakan harta zakat atas alasan masalah, hajat dan darurat. Perkara ini dapat dibuktikan dalam perbahasan fiqh seperti dalam meluaskan saham asnaf fi sabilillah. Contohnya al-Razi (1981) menaqalkan saham fi sabilillah boleh diluaskan kepada segala bentuk kebaikan, termasuklah membina kubu, mengimarahkan masjid, membina kilang-kilang dan sebagainya yang boleh mendatangkan manfaat kepada orang Islam. Perluasan saham fi sabilillah ini dapat dilakukan berasaskan ijihad pemerintah.

Selain itu pemerintah juga dibolehkan melewatkan pembahagian zakat kepada haul kedua berasaskan ijihad yang dilakukannya (al-Hattab, t.t.). Pemerintah juga boleh menjualkan harta zakat di tempat ia dipungut dan dibeli semula di tempat zakat tersebut ingin dipindahkan sekiranya ia mendatangkan masalah (al-Kharasyi, 1317H). Hakikatnya banyak isu-isu atau keadaan dalam pengurusan zakat diserahkan kepada pemerintah khususnya dalam pungutan zakat seperti mengambil zakat secara paksa daripada orang yang tidak mahu membayar zakat (al-Ansari, t.t.), memerangi orang yang enggan membayar zakat, melakukan pentaksiran zakat (al-Nawawi, t.t.), memindahkan lebih zakat ke negeri lain, memberi zakat kepada orang kafir untuk tujuan dakwah (al-Nawawi, t.t.: Fayad 1999) dan selainnya. Hal ini jelas bahawa kedua-dua prinsip otoritatif dan karitatif wujud dalam aplikasi zakat. Namun yang tinggal hanyalah bagaimana menerapkannya dalam aplikasi zakat semasa selaras dengan kehendak dan prinsip syarak.

BAHAGIAN 2

Sorotan Kajian Lepas Kutipan Zakat Rentas Sempadan

Di Malaysia, urusan zakat diletakkan di bawah bidang kuasa negeri masing-masing. Pelbagai usaha penambahbaikan telah dijalankan oleh institusi zakat negeri-negeri di Malaysia bagi mencapai matlamat zakat. Antaranya, memberi kefahaman yang berterusan kepada masyarakat Muslim berkaitan zakat melalui ceramah, khutbah dan perbincangan bersama penyelidik (Muhsin Nor Paizin, 2013).

Selain itu, institusi zakat juga telah menyediakan pelbagai medium sama ada dari sudut kutipan dan agihan. Pembayar atau penerima boleh memilih untuk berurusan dengan petugas zakat sama ada di kaunter pusat zakat (N.Hafizah dan Selamah, 2013), menggunakan kemudahan teknologi yang disediakan (Fidlizan et.al, 2012) atau melalui ejen yang dilantik (Raja M. 'Azman, Hairunnizam dan Sanep, 2015).

Walaupun pelbagai usaha dijalankan oleh institusi zakat di Malaysia dalam meningkatkan kutipan zakat melalui pelbagai medium sama ada secara tradisional atau teknologi, masih terdapat isu dalam kutipan zakat. Antara terdapat petugas zakat yang membuat kutipan zakat di luar sempadan kuasa yang dibenarkan (Raja M. 'Azman, Hairunnizam dan Sanep, 2015). Selain itu, sebahagian dana kutipan zakat diagihkan ke luar tempat harta zakat (M.Anuar dan M.Naqib, 2017). Hal ini boleh menjejaskan kredibiliti institusi zakat dalam pembangunan sosio-ekonomi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menjelaskan pandangan Islam dalam isu kutipan di luar sempadan kuasa yang dibenarkan dalam konteks di Malaysia.

Transformasi Kutipan Zakat

Kutipan zakat menjadi aspek terpenting dalam kejayaan sesebuah institusi zakat selain agihan. Peningkatan hasil kutipan membolehkan institusi zakat mengagihkan dana zakat dengan lebih menyeluruh. Dana zakat yang terkumpul membolehkan institusi zakat menjalankan projek-projek berskala besar untuk dinikmati oleh asnaf-asnaf yang memerlukan bantuan (Muhsin Nor Paizin, 2013). Dalam makna yang lain, lebih banyak dana zakat yang dikumpulkan, lebih banyak asnaf yang memperoleh manfaat bagi meningkatkan kualiti hidup.

Secara umum, pelbagai usaha dijalankan oleh institusi zakat dalam meningkatkan kualiti pentadbiran di samping

menyesuaikan dengan perkembangan semasa. Menurut kajian Muhsin (2013), antara usaha institusi zakat meningkatkan jumlah pungutan zakat adalah dengan menjalankan kempen melalui media massa, taklimat zakat di pejabat kerajaan, swasta mahupun NGO, peringatan khatib dalam khutbah Jumaat, pembukaan kaunter cawangan serta penerbitan buku laporan zakat. Kempen dan usaha ini dapat memberi kefahaman kepada masyarakat dengan lebih jelas. Selain itu, perkongsian idea daripada penyelidik dalam seminar yang dijalankan membantu institusi zakat meningkatkan kecekapan pengurusan zakat. Dari sudut lain, institusi zakat mewujudkan kepelbagaian saluran penerimaan pembayaran antaranya melalui potongan gaji, bayaran di kaunter bank, pejabat pos, ejen yang dilantik dan internet portal.

Publisiti atau hebahan kepada masyarakat terhadap usaha dan agihan yang telah dilakukan oleh institusi zakat juga penting dalam transformasi meningkatkan kecekapan pentadbiran zakat. Hal ini kerana kecekapan sesebuah institusi zakat bukan sahaja dinilai melalui sistem pengurusan yang dibangunkan namun apabila dapat memenuhi keperluan masyarakat miskin dan memerlukan (Azman, Mohammad Hj. Alias dan Syed, 2012). Oleh itu, hebahan terhadap usaha institusi zakat ini sebagai menjawab aduan yang dibuat oleh masyarakat bahawa zakat tidak mencapai kumpulan sasaran seterusnya memberi keyakinan.

Selain itu, kajian Atiah Ahmad Hairunnizam Wahid (2017) menjelaskan bahawa wakalah² merupakan pemangkin dalam membantu meningkatkan kutipan zakat terutamanya zakat perniagaan, pendapatan dan harta. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan antara institusi zakat yang melaksanakan konsep al-wakalah. Konsep al-wakalah ini bukan akad pemilikan yang memberi kebebasan memanipulasi wang zakat tetapi sebagai dasar pengembalian semula wang zakat kepada pembayar zakat untuk diagihkan kepada asnaf yang layak. Pemohon yang menepati syarat sahaja akan dipilih serta perlu menghadiri taklimat sebelum diberi watakah pelantikan sebagai wakil. Pembayar yang dilantik ini juga perlu menghantar laporan penuh sebaik sahaja pengagihan selesai dilaksanakan dalam tempoh setahun dari tarikh watakah wakalah.

2 Al-Wakalah ialah konsep yang mewakilkan seseorang untuk menyerahkan apa yang dilakukannya dan boleh dilakukan oleh orang lain dalam hidupnya. Unsur hidup dikaitkan bagi membezakannya dengan wasiat. Ulama menyatakan keabsahan akad al-Wakalah ini sebagaimana firman Allah SWT: " ...sekarang utuskanlah salah seorang daripada kamu membawa wang perak kami ini ke bandar..."

Kecekapan dalam pengurusan dan pentadbiran organisasi zakat tidak dinafikan menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat selain faktor ketaatan pembayar zakat. Menurut kajian Nur Hafizah dan Selamah (2013), peningkatan dana zakat dipengaruhi oleh pelbagai mekanisme yang memudahkan urusan pembayar zakat seperti penggunaan teknologi serta kecekapan dalam pengurusan kaunter-kaunter zakat. Berdasarkan skor kecekapan kaunter kutipan zakat di Wilayah Persekutuan, semakin banyak kaunter kutipan zakat dibuka, maka semakin ramai bilangan pembayar boleh melakukan bayaran. Dengan itu, jumlah kutipan zakat yang berjaya dipungut akan meningkat. Dalam makna lain, semakin mudah sesuatu mekanisme pembayaran zakat disediakan, maka semakin meningkat jumlah kutipan zakat diperolehi.

Cabaran Kutipan Zakat Oleh Institusi Zakat

Peningkatan kutipan zakat di Malaysia pada setiap tahun adalah didorong oleh usaha institusi zakat dalam membantu masyarakat muslim Malaysia menunaikan tuntutan rukun Islam. Walau bagaimanapun isu kutipan zakat masih juga berlaku. Antaranya isu ketidakpatuhan membayar zakat melalui institusi zakat. Dalam isu ini, pembayar zakat memilih untuk membayar terus kepada asnaf. Fenomena agihan zakat sendiri ini bukan sahaja melibatkan individu-individu tetapi juga syarikat-syarikat besar yang wujud di negara ini. (Raja Muhd 'Azman, Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad, 2015).

Menurut kajian Sanep Ahmed, Hairunnizam Wahid dan Adnan Mohamad (2006), terdapat 79 orang daripada 753 orang responden membayar zakat secara tidak formal atau terus kepada asnaf. Ketidakpatuhan ini menyebabkan berlaku kebocoran dalam kutipan zakat di institusi zakat serta berlaku pengagihan yang tidak saksama. Hal ini kerana pembayaran zakat secara tidak formal biasanya hanya menumpukan kepada dua asnaf sahaja iaitu golongan fakir dan miskin manakala enam asnaf lagi seolah-olah diabaikan. Kajian ini menunjukkan kepuasan agihan zakat amat besar pengaruhnya kepada kepatuhan membayar zakat secara formal. Tindakan sebahagian muslim membayar zakat terus kepada asnaf kerana hilang kepercayaan terhadap institusi zakat (Nur Hafizah dan Selamah, 2013).

Isu ketidakpatuhan membayar zakat di institusi zakat juga berlaku dari sudut pembayaran zakat dibuat di luar sempadan harta. Pada asasnya, keutamaan pembayaran zakat harus dibuat di tempat pendapatan atau harta itu diperolehi. Namun pembayar memilih untuk membayar zakat di tempat lain. Berdasarkan kajian Muhsin (2016), Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan telah mencatatkan tunggakan bayaran mencecah RM76 juta pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 dengan kehilangan 24 ribu orang pembayar. Hasil kajian mendapati 53 peratus daripada

330 responden pengeluar zakat pada tahun 2014 tidak mengulangi pembayaran zakat di Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan pada tahun 2015 kerana mereka telah membuat pembayaran zakat di tempat lain. Antara faktor peralihan bayaran zakat antaranya berpindah tempat tinggal selain faktor tanggapan bahawa negeri lain lebih memerlukan dana zakat berbanding di Wilayah Persekutuan.

Pelbagai medium pembayaran zakat dibangunkan oleh institusi zakat selari dengan perkembangan infrastruktur teknologi semasa. Pembayar zakat boleh memilih membuat pembayaran zakat secara atas talian atau melalui ejen yang dilantik. Di Malaysia, pentadbiran zakat termasuk urusan pelantikan amil atau ejen berada di bawah kuasa negeri. Dengan itu, pihak yang tidak mendapat keizinan memungut zakat dilarang untuk memungutnya walau di negeri sendiri. Kajian Mohd Anuar dan Mohammad Naqib(B)(2017) mendapati terdapat kes pungutan zakat tanpa kebenaran atau amil palsu yang berlaku di negeri Selangor. Hal ini bertentangan dengan peruntukan perundangan zakat bagi setiap negeri yang melarang kutipan zakat dilakukan tanpa izin dan membayar zakat kepada orang yang tidak diberi kuasa secara sah untuk memungut zakat.

Umumnya, ejen mempunyai peranan besar dalam meningkatkan pungutan zakat sesebuah negeri. Menurut kajian Raja Muhd 'Azman, Hairunnizam dan Sanep Ahmad(2015), institusi zakat negeri Perlis telah melantik ejen bagi membantu dalam hal kutipan zakat. Ejen yang dilantik terdiri daripada sebuah organisasi dan institusi pendidikan seperti seperti Ma'ahad Attarbiyah Al-Islamiah (MATRI), Sekolah Rendah Agama Attarbiyah Al-Islamiah (SRAATI) dan Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis (IPTIP). MAIPs juga memperuntukan 50 peratus daripada hasil kutipan zakat diberikan semula kepada ejen untuk diagihkan kepada asnaf zakat. Hasil kajian mendapati, kutipan zakat yang diperolehi ejen meningkat pada setiap tahun. Kutipan yang diperolehi bukan sahaja daripada penduduk negeri Perlis tetapi daripada penduduk di luar negeri Perlis. Selain itu, terdapat juga ejen zakat negeri Perlis merupakan sebuah koperasi yang berada di Perak dan Selangor turut membantu kutipan zakat negeri Perlis.

Berdasarkan kajian Mohd Anuar dan Mohammad Naqib(A) (2017), tindakan ejen memungut zakat di luar sempadan negeri boleh menimbulkan ketidakharmonian dalam hubungan antara negeri dengan berlaku kebocoran dalam kutipan zakat negeri. Dari sudut lain, peruntukan 50 peratus yang dikembalikan kepada ejen adalah tinggi jika dibandingkan dengan negeri yang pernah atau sedang melaksanakan sistem ejen zakat. Pulangan 50 peratus bagi amil juga boleh menimbulkan ketidakseimbangan dalam agihan zakat apabila pengagihan tertumpu pada sebahagian asnaf sahaja. Dalam hal lain, sebahagian hasil kutipan diagihkan ke luar negara seperti Palestin, Syria dan sebagainya dalam keadaan negara masih lagi belum mencukupi untuk menampung keperluan asnaf terutamanya negeri yang mempunyai kutipan zakat yang rendah.

Kajian yang dilakukan oleh para penyelidik menunjukkan transformasi dalam institusi zakat di Malaysia. Walau bagaimanapun, isu-isu zakat masih berlaku. Oleh itu kajian ini memfokuskan penyelidikan dalam isu yang berkaitan kutipan merentasi sempadan yang dibenarkan dan agihan diluar sempadan harta dari sudut pandangan Islam dan perundangan di Malaysia.

Pentadbiran Dan Perundangan Zakat Di Malaysia

Pemerintah memainkan peranan penting dalam tadbir urus harta zakat selain tanggungjawab pembayar zakat dalam melaksanakan kewajipan. Pentadbiran zakat di Malaysia telah melalui perubahan dari masa ke masa. Pada zaman pra-penajajaran, pembayaran zakat diamalkan secara tradisional. Pembayar zakat akan menghantar barang keperluan asas kepada guru agama dalam sesebuah kawasan. Guru agama kemudiannya mengagihkan barang keperluan asas yang diterima kepada masyarakat yang memerlukan (asnaf). Amalan menyerahkan zakat kepada guru agama kerana masyarakat menganggap atau menghormati guru agama sebagai orang yang berpengetahuan dalam hal ehwal agama termasuk zakat. (Azman Ab Rahman, Mohammad Haji Alias dan Syed Mohd Najib, 2012).

Pada masa kini, pentadbiran zakat di Malaysia adalah di bawah kuasa setiap negeri. Hal ini bertepatan dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam jadual Kesembilan Senarai II-Senarai Negeri, Perenggan 1 Perlembagaan Persekutuan telah menggariskan zakat sebagai hal ehwal yang akan ditadbir di bawah bidang kuasa negeri. Oleh itu, perkara berkaitan urusan kutipan dan agihan zakat menjadi sebahagian daripada urusan pentadbiran Majlis Agama Islam negeri-negeri. (Muhsin Nor Paizin, 2016).

Corak pentadbiran zakat di Malaysia berbeza di antara negeri-negeri. Kutipan dan agihan zakat bagi negeri Perlis, Johor, Terengganu, Perak dan Kelantan di tadbir oleh institusi Baitulmal tanpa menswastakan institusi zakat masing-masing. Negeri Melaka, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Pahang pula menswastakan aktiviti kutipan zakat kepada Pejabat Zakat Korporat. Namun, urusan pengagihan zakat diletakkan di bawah institusi Baitulmal. Seterusnya negeri Selangor, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah pula telah diswastakan sepenuhnya kedua-dua aktiviti kutipan dan agihan zakat kepada Pejabat Zakat Korporat masing-masing. Berbeza dengan Negeri Kedah model pengurusan zakat di tadbir urus oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang ditubuhkan di bawah enakmen khas berkaitan pengurusan zakat yang tidak bernaung di bawah Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAINK). Ia terus melaporkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. (Mohd Anuar Ramli, Mohammad Naqib Hamdan (B), 2017).

Menurut al-Qaradawi (2006), urus tadbir zakat yang baik merupakan faktor keberkesanan institusi zakat dalam mencapai matlamat pensyariaan zakat. Institusi zakat negeri-negeri di Malaysia melaksanakan usaha berterusan dalam meningkatkan keberkesanan institusi zakat. Antara usaha insitutsi zakat di Malaysia adalah mengembangkan sumber-sumber baru zakat, pengurusan zakat yang sistematik, kutipan dan pengagihan zakat yang cekap. Disamping itu, pendekatan dakwah, promosi dan kecekapan pengurusan dipertingkatkan melalui perkembangan teknologi semasa.

Selain Perlembagaan Persekutuan, setiap negeri di Malaysia memperuntukan undang-undang yang khusus berkaitan hal ehwal zakat. Rujukan bagi enakmen zakat negeri-negeri boleh dilihat dalam jadual 1. Institusi yang mempunyai bidang kuasa negeri dalam menguruskan hal ehwal pentadbiran dan pengurusan zakat di Malaysia ialah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). (Muhammad Hafiz Badarulzaman, Alias Azhar dan Che Thalbi Md Ismail, 2017). Berdasarkan enakmen ini, Majlis Agama Islam Negeri bertanggungjawab dalam segala operasi zakat seperti pungutan, agihan dan lantikan amil.

JADUAL 1:
Peruntukan Enakmen Zakat dan Enakmen Kesalahan Zakat Negeri-Negeri di Malaysia

BIL	NEGERI	ENAKMEN/ PERUNTUKAN KUTIPAN	ENAKMEN/ PERUNTUKAN KESALAHAN
1	Pulau Pinang	<p>Seksyen 86, Bahagian 6, Enakmen Pentadbiran Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 :</p> <p>“Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Pulau Pinang mengikut Hukum Syarak bagi pihak Yang di-Pertuan Agong.”</p>	<p>Seksyen 33. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996; Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa :</p> <p>“Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh di denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah subseksyen 90(1) Enakmen Pentadbiran.</p>
2	Perak	<p>Seksyen 75, Bahagian 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004;</p> <p>“Majlis berkuasa memungut zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh tiap-tiap orang Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.”</p>	<p>Seksyen 41. Enakmen Jenayah (Syariah) 1992; Memungut zakat atau fitrah secara tak sah :</p> <p>“Sesiapa yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan zakat atau fitrah dipungut tanpa diberikuasa yang sah, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Mahkamah hendaklah memerintah pungutan itu dirampas dan diserahkan kepada Baitulmal.”</p>
3	Perak	<p>Seksyen 75. Enakmen 4 Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004; Kuasa Memungut Zakat Dan Fitrah.</p> <p>“Majlis berkuasa memungut zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh tiap-tiap orang Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.”</p>	
4	Negeri Sembilan	<p>Seksyen 86, Bahagian 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003:</p> <p>“Majlis berkuasa memungut zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh tiap-tiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Sembilan mengikut Hukum Syarak bagi pihak Yang di-Pertuan Besar.”</p>	<p>Seksyen 118. Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992. Kegagalan membayar zakat atau fitrah.</p> <p>“(3) Mana-mana orang yang membuat atau mengambil bahagian di dalam mana-mana pungutan zakat atau fitrah tersebut yang berlawanan dengan seksyen 68 Enakmen yang berkenaan tanpa diberi kuasa yang sah adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”</p>

BIL	NEGERI	ENAKMEN/ PERUNTUKAN KUTIPAN	ENAKMEN/ PERUNTUKAN KESALAHAN
5	Pahang	<p>Seksyen 82, Bahagian 5, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Pahang) 1991:</p> <p>“Majlis hendaklah mempunyai kuasa dan hendaklah berkewajipan memungut semua zakat dan fitrah yang kena dibayar dalam Negeri Pahang menurut Hukum Syarak.”</p>	<p>Seksyen 38. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013;</p> <p>Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa:</p> <p>“Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberi kuasa oleh Majlis melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 67 Enakmen Pentadbiran.”</p>
6	Johor	<p>Fasal 86, Bahagian 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003:</p> <p>“Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Johor mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.”</p>	<p>Seksyen 33. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997.</p> <p>Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa:</p> <p>“Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 39 Enakmen Pentadbiran.”</p>
7	Kelantan	<p>Seksyen 51, Bahagian 3, Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu (Negeri Kelantan) 1994:</p> <p>“Majlis hendaklah mempunyai kuasa tunggal dan mempunyai kewajipan memungut semua jenis zakat atau fitrah dalam Negeri ini dan membelanjakan hasil pungutan itu sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dengan berasaskan kepada Hukum Syarak.”</p>	<p>Seksyen 107. Bahagian 7, Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994; Memungut dan membayar zakat dan fitrah tanpa mengikut peraturan.</p> <p>“Sesiapa selain daripada amil atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis yang memungut atau mengambil zakat atau fitrah yang ditaksirkan kena dibayar kepada Majlis, atau membayar zakat atau fitrah yang ditaksirkan kena dibayar kepada Majlis kepada mana-mana orang lain selain daripada amil atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.”</p>
8	Selangor	<p>Seksyen 86, Bahagian 6, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003:</p> <p>“Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Selangor mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.”</p>	<p>Seksyen 37. Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, Pungutan zakat atau fitrah tanpa diberikuasa:</p> <p>“Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”</p>

BIL	NEGERI	ENAKMEN/ PERUNTUKAN KUTIPAN	ENAKMEN/ PERUNTUKAN KESALAHAN
9	Terengganu	<p>Seksyen 70, Bahagian 5, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Negeri Terengganu) 2001:</p> <p>“Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Terengganu mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.”</p>	<p>Seksyen 40. Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001. Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa.:</p> <p>“Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberi kuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 58 Enakmen Pentadbiran.”</p>
10	Sabah	<p>Seksyen 56, Bahagian 3, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Sabah) 1992:</p> <p>“Zakat dan Fitrah hendaklah dipungut dan dibahagikan oleh Majlis mengikut peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa.”</p>	<p>Seksyen 67. Enakmen 6 Enakmen Zakat Dan Fitrah 1993; Pemungutan Tak Berkebenaran.</p> <p>“Mana-mana orang yang, sebagai tidak dibenarkan di bawah Enakmen ini untuk berbuat sedemikian memungut atau cuba memungut zakat atau penalti di bawah Enakmen ini ada melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.”</p>
11	Sarawak	<p>Seksyen 65. Ordinan 41 Majlis Islam Sarawak, 2001; Kuasa Majiis Untuk Memungut Dan Melupuskan Zakat Dan Fitrah.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tertakluk kepada Ordinan ini, Majlis hendaklah mempunyai kuasa, dan hendaklah berkewajipan, untuk memungut dan melupuskan semua zakat dan fitrah yang kena dibayar di dalam Negeri mengikut Undang-Undang Islam sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis, dengan kelulusan Yang di-Pertua Negeri. 2. Semua zakat dan fitrah yang dipungut mengikut Bahagian ini hendaklah dibayar ke dalam Baitulmal tetapi hendaklah dimasukkan ke dalam suatu akaun berasingan dalam Baitulmal itu. 	<p>Seksyen 30. Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001; Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa:</p> <p>“Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberi kuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Baitulmal yang ditubuhkan di bawah seksyen 45 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 [Bab 41]”</p>

BIL	NEGERI	ENAKMEN/ PERUNTUKAN KUTIPAN	ENAKMEN/ PERUNTUKAN KESALAHAN
12	Perlis	<p>Seksyen 86. Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, Kuasa Majlis Memungut Zakat dan Fitrah:</p> <p>“Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Perlis mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah.”</p>	<p>Seksyen 29. Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991. Pungutan derma tidak mengikut Undang-undang:</p> <p>“Sesiapa yang memungut atau mengambil bahagian dalam sebarang pungutan wang atau derma bagi kegunaan khairat untuk mengembangkan Agama Islam atau faedah orang-orang Islam mengikut hukum Syarak dengan tidak menurut mana-mana syarat di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1963 adalah melakukan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan segala wang yang dipungut hendaklah dirampas oleh Mahkamah dan hendaklah menjadi hasil Baitulmal.”</p>
13	Wilayah Persekutuan	<p>Seksyen 7- Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 – Akta 505.</p> <p>Kewajipan Majlis bagi kemajuan sosio-ekonomi orang-orang Islam.:</p> <p>“Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan selaras dengan Hukum Syarak.”</p>	<p>Seksyen 33. Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa:</p> <p>“Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 60 Akta Pentadbiran.”</p>

Selain itu, negeri-negeri juga memperuntukan enakmen jenayah dalam hal ehwal zakat sebagaimana disenaraikan dalam jadual 1. Berdasarkan enakmen jenayah dalam jadual 1, Mahkamah Syariah bagi negeri-negeri mempunyai bidang kuasa dalam urusan pendakwaan kes-kes jenayah syariah melibatkan orang-orang yang beragama Islam bagi kesalahan mengutip, mengagih atau menyalahguna bantuan zakat.

Kesalahan berkaitan zakat masih berlaku di Malaysia. Antara kesalahan berkaitan zakat yang berlaku adalah pada masa kini adalah kesalahan individu yang memungut zakat tanpa kebenaran dan juga amil palsu. Sebagai contoh berlaku kes pungutan zakat tanpa kebenaran yang berlaku di Selangor. Kes ini telah dibicarakan dan tertuduh-tertuduh telah disabitkan bersalah dijatuhi hukuman setelah disahkan oleh Lembaga Zakat Selangor (MAIS) bahawa tertuduh-tertuduh ini tidak pernah diberikan kebenaran untuk membuat sebarang kutipan zakat atau fitrah di dalam negeri Selangor. (Mohd Anuar Ramli, Mohammad Naqib Hamdan (A),2017)

Dari sudut lain, terdapat ejen atau amil yang bertauliah namun membuat kutipan zakat di luar sempadan negeri yang di benarkan. Selain itu, terdapat juga individu yang membayar zakat di luar sempadan harta zakat. Hal ini berdasarkan kepada laporan kajian zakat bahawa amil atau ejen menerima bayaran daripada pembayar luar sempadan negeri (Raja Muhd 'Azman, HairunnizamWahid dan Sanep Ahmad, 2015). Berdasarkan laporan ini, tindakan ejen atau amil yang membuat kutipan zakat di luar sempadan serta individu yang membayar di luar sempadan harta zakat bertentangan dengan enakmen zakat bagi setiap negeri.

Pihak institusi zakat sentiasa mengingatkan masyarakat yang mencukupi syarat kenaan zakat supaya melaksanakan tanggungjawab membayar zakat serta membuat bayaran kepada amil yang bertauliah. (Berita Harian, 2016 dan Astro Awani, 2018) Kutipan zakat bukan sahaja merupakan kesalahan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah tetapi boleh menyebabkan berlaku pengurangan dana zakat sesebuah negeri. Hal ini juga boleh menjejaskan matlamat institusi zakat negeri dalam membantu asnaf yang berada di negeri mereka.

Lokasi Kutipan Zakat

Perbincangan mengenai lokasi kutipan zakat lazimnya tidak dibahasakan dengan panjang lebar dalam fiqh zakat. Namun begitu, dalam dunia semakin maju isu berkenaan lokasi kutipan zakat menjadi fokus utama. Pada asasnya perbincangan lokasi kutipan zakat adalah berkait dengan pemindahan zakat dan agihan zakat. Hal ini kerana dalam kerangka fiqh zakat, zakat akan dikutip dan diagihkan dalam lokasi yang sama. Tujuan utama adalah untuk memastikan hasil kekayaan dikawasan tersebut dikongsi golongan kaya dan miskin.

Perkara tersebut jelas di dalam hadis Nabi SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas RA;

Yang bermaksud; Bahawasanya ketika Rasulullah SAW mengutus Muadh ke Yaman, beliau bersabda kepadanya, "Serukanlah mereka supaya bersaksi bahawa sesungguhnya tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan sesungguhnya Aku adalah utusan Allah, maka jika mentaati hal tersebut, maka khabarkanlah kepada mereka bahawasanya Allah telah mewajibkan solat lima waktu dalam sehari semalam, dan jika mereka telah melaksanakannya maka khabarkanlah kepada mereka bahawasanya Allah telah mewajibkan zakat pada harta benda mereka, yang diambil dari orang-orang kaya di antara mereka untuk dibahagikan kepada orang-orang fakir di antara mereka."
(Hadis riwayat al-Bukhari)

Hadis ini akan menjadi premis utama dalam kajian zakat rentas sempadan. Kerana pentafsiran lokasi dan pemindahan zakat adalah sekitar kefahaman yang mendalam terhadap hadis ini. Perkataan "yang diambil dari orang-orang kaya di antara mereka" jelas menunjukkan bahawa zakat dikutip dari kalangan orang yang sama zakat diagihkan. Inilah yang membawa kepada prinsip lokalisasi zakat. Cadangan lokalisasi agihan zakat ini telah banyak dilakukan seperti kajian Dicky Wiwitan, Hairunnizam & Mohd Ali (2016), Mohd Faiz, et.al (2016), Azman, Hairunnizam & Hairullfazli 2017) dan Muhammad Rizal, Hairunnizam & Sanep (2015) yang melihat lokalisasi yang lebih kecil iaitu di IPT. Kajian tersebut jelas menyatakan bahawa kesan positif lokalisasi seperti memudahkan urus tadbir, proses agihan dipercepatkan,

komunikasi asnaf dengan pentadbir lebih baik (pelajar dan pihak universiti), prosedur dan penyampaian maklumat lebih efisien dan sebagainya. Model one stop centre yang dicadangkan Muhammad Rizal J. et.al (2015) juga menjadi gambaran kepada sistem lokalisasi kutipan dan agihan zakat.

Berbalik kepada hadis Muadh sebelum ini, jelas bahawa semangat lokalisasi kutipan dan agihan zakat wujud. Namun, tidak dinafikan masih terdapat perbezaan dalam mensyarahkan hadis tersebut. Selain itu persoalan ruang lingkup lokalisasi masih lagi menjadi perbincangan. Prinsip utama zakat adalah dikutip pada tempat di mana harta berada, atau dalam Bahasa Arab lebih merujuk kepada "balad al-mal". Prinsip ini sebenarnya jelas merujuk kepada lokalisasi zakat iaitu asnaf berhak menerima zakat dari harta yang berada di sekitarnya. Al-Syirazi (t.t.) menyatakan bahawa wajib dibelanjakan zakat kepada asnaf yang berada pada negeri di mana harta itu wujud.

Begitu juga al-Khatib al-Syarbini (2011) yang menjelaskan bahawa zakat diserahkan kepada lapan asnaf dimana tempat harta berada. Sebelum perbincangan dilanjutkan hendaklah diketahui bahawa dalam perbincangan fiqh isu kutipan zakat dan agihan disebut sekali kerana dalam perspektif atau prinsip zakat agihan dilakukan di mana zakat dikutip. Namun begitu, perbincangan akan menjadi lebih luas apabila timbulnya isu agihan dilakukan daripada luar kawasan zakat dikutip. Justeru, prinsip asas kutipan zakat adalah dikutip dalam kawasan harta berada. Ini selaras dengan kefahaman bahawa zakat harta diwajibkan ke atas harta bukannya badan ataupun individu. Kewajipan individu adalah tanggungjawabnya menunaikan zakat atas harta tersebut. Kenyataan ini dapat difahami berasaskan beberapa penjelasan, antaranya:

- 1) Klasifikasi ulama terhadap jenis zakat, iaitu zakat al-amwal dan zakat al-abdan. Zakat al-amwal adalah kewajipan zakat ke atas harta (al-Samiri, 2003) manakala zakat al-abdan (zakat fitrah) merupakan kewajipan zakat ke atas orang dan individu (al-Samiri, 2003).
- 2) Pemerintah boleh mengambil harta bagi orang yang enggan untuk mengeluarkan zakat tanpa keizinannya (juga tanpa pemilikanya berniat untuk mengeluarkan zakat) (al-Muzani, 1998). Tindakan tersebut menyebabkan kewajipan zakat terhadap harta tersebut terangkat dan

memilikinya tidak lagi menanggung kewajiban zakat hartanya lagi. Begitu juga wali perlu mengeluarkan zakat bagi mereka yang belum baligh dan gila (al-Ardabili, 2006).

- 3) Contohnya perbezaan ulama dalam kes zakat tanah yang disewakan, Imam Abu Hanifah dan Jumhur. Imam Abu Hanifah (Ibn al-Humam, 2003) berpendapat bahawa zakat al-'usyr adalah diwajibkan ke atas tanah yang mengeluarkan hasil bukan ke atas bijian ataupun hasil pertanian (al-Sarakhsi, 1978), manakala jumhur pula berpendapat bahawa zakat al-'usyr hanya diwajibkan ke atas hasil tanaman bukan tanah yang mengeluarkan hasil tanaman itu (Ibn Rusyd, 2009; al-Nawawi, 1980). Perbincangan seumpama ini tidak berlaku jika kewajiban zakat bukan ke atas harta.

Lantaran daripada itu, sudah tentulah zakat dikenakan ditempat mana harta berada, kerana ia dipungut daripada sumber kekayaan sekitar dan pada masa yang sama golongan asnaf juga berada pada kawasan sumber kekayaan tersebut. Inilah yang membawa semangat perkongsian atau kitaran kekayaan, selaras dengan firman Allah SWT:

Yang bermaksud: supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu (Surah al-Hasyr: 7)

Untuk perbincangan lebih jelas mengenai lokasi kutipan zakat beberapa pernyataan di dalam kitab fiqh dijadikan sandaran. Antara contohnya sebagaimana yang disebut di dalam kitab al-Jawharah al-Nayyirah (al-Zabidi, 2006);

Seorang lelaki yang mempunyai harta pada pengurusan rakan kongsinya di negeri lain, maka hendaklah dia mengeluarkan zakat kepada golongan fakir yang ada di tempat hartanya berada bukannya di negeri tempat dia berada. Sekiranya diwasiatkan hartanya untuk fakir miskin, maka zakat tersebut diserahkan kepada fakir di mana pewasiat tersebut berada namun pada asalnya zakat dikira pada tempat harta dan pada zakat fitrah zakat wajib pada di mana dirinya berada secara ijma'.

Selain itu, Ibn Humam (2003) menyatakan hal yang sama;

Dan yang jelas pada zakat adalah di mana tempat harta berada, dan bagi zakat fitrah pula adalah di tempat individu yang mengeluarkan zakat itu berada pada pandangan yang sah. Ia selaras dengan wujudnya sesuatu hukum di tempat mana wujudnya sebab hukum tersebut.

Oleh kerana sebab wajibnya zakat adalah kerana adanya harta yang mencukupi nisab, haul serta syarat-syarat yang lain. Maka kewajiban tersebut perlu dilaksanakan pada tempat kewajiban tersebut. Keadaan yang sama dapat dikenalpasti daripada kitab Mughni al-Muhtaj (al-Khatib al-Syarbini, 1997);

Sekiranya seorang yatim di sesuatu negeri, dan hartanya berada tempat lain maka walikan qadi yang berada di negeri harta berada (untuk mengeluarkan zakat) kerana walayah ke atas yatim tersebut berkait dengan hartanya seperti harta orang yang hilang.

Begitu juga yang diperolehi daripada kata-kata al-Adhra'i yang dinukilkan di dalam Nihayah al-Muhtaj (al-Ramli, 2003);

Dan tidak syak lagi sekiranya berjauhan negeri harta berada dengan pemiliknya dan kita melarang zakat dipindahkan seperti pandangan yang al-Asah, maka mestilah zakat ditunaikan dengan sampainya pemilik atau wakilnya kepada harta tersebut.

Begitu juga Ibn Muflih al-Maqdisi (2004) dalam al-Furu' yang menyatakan;

Dan siapa yang diwajibkan zakat di sesebuah negara, dan hartanya di negara lain, maka zakat diagihkan di tempat harta berada. Sekiranya harta berada di tempat yang berbeza-beza, maka keluarkan zakat pada setiap harta tersebut di tempat ia berada. Sekiranya ia terlibat nisab binatang ternak, dikatakan; wajib dikeluarkan zakat pada setiap negara dengan kadar harta yang ada pada negara-negara tersebut.

Kenyataan tersebut jelas menggambarkan bahawa harta tersebut wajib dikeluarkan atau dikutip di tempat mana harta berada. Hal tersebut selaras dengan kefahaman bahawa zakat adalah hak wajib bagi asnaf yang berada ditempat harta tersebut (al-Ramli, 1313H), kekayaan yang diperolehi dari sesuatu tidak berlegar sesama orang kaya sahaja, meraikan hak jiran (asnaf setempat adalah jiran kepada orang kaya setempat) (al-Zabidi, 2006) dan sebagainya.

Realiti Kutipan Zakat Rentas Sempadan Di Malaysia

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, bahawa polemik kutipan zakat rentas sempadan telah mendapat liputan dan menjadi perbincangan penting. Ia secara tidak langsung menjejaskan nama baik institusi zakat secara umumnya. Rentetan daripada hal tersebut kedudukan dan pandangan hukum mengenai kutipan zakat rentas sempadan perlu dikemukakan. Hal ini antara lain mampu memberi penjelasan kepada institusi zakat yang terlibat di samping memberi kefahaman kepada masyarakat awam.

Namun begitu, sebelum perbincangan hukum diutarakan adalah sewajarnya dijelaskan dengan lebih mendasar realiti kutipan zakat rentas sempadan yang berlaku di Malaysia. Ini kerana, dalam pembentukan hukum Islam dan fatwa perlulah berdasarkan realiti sebenar yang berlaku bukannya andaian. Bahkan fatwa dan pandangan hukum yang dikeluarkan perlulah selari dengan situasi, keadaan, masa dan tempat. Perkara ini jelas ditegaskan ('Adnan, 2001);

Bermaksud: Sesungguhnya antara syarat ijtihad yang penting terhadap perkara baru adalah faqih tentang realiti dan mengenali manusia.

Perkara ini juga dijelaskan oleh Ibn Qayyim (1423H) secara panjang lebar, iaitu antara syarat ijtihad yang penting adalah memahami realiti (fahm al-waqi') dan memahami apa yang wajib tentang realiti tersebut (fahm al-wajib fi al-waqi'). Apa yang dimaksudkan oleh beliau adalah memahami dengan kefahaman yang sebenar tentang sesuatu yang berlaku di samping penguasaan yang kuat dalam ilmu agama untuk memahami ketentuan Allah (sama ada wajib, sunat, harus, makruh dan haram) terhadap sesuatu tersebut. Ketentuan Allah itu adalah berasaskan nas al-Quran dan Sunnah serta sumber-sumber hukum yang lain.

Di tempat yang lain pula Ibn Qayyim (1423H) jelas menyatakan bahawa antara elemen penting dalam membuat keputusan hukum atau fatwa mestilah dengan mengenal manusia. Sekiranya seseorang itu pakar dalam bab hukum tetapi dia tidak pakar dalam mengenal manusia, kesannya kerosakan akan lebih banyak dari kebaikan. Namun jika seseorang itu pakar dalam mengenal manusia tetapi tidak pakar tentang hukum, kesannya punyanya akan merasakan orang yang zalim itu adalah orang yang dizalimi atau sebaliknya. Atau melihat kebenaran itu sebagai satu kebatilan dan sebaliknya.

Atas dasar itu, perbincangan mengenai realiti kutipan zakat rentas sempadan di Malaysia merupakan sesuatu yang perlu. Perbincangan mengenai realiti ini meliputi bidang kuasa kutipan zakat, persempadanan dan bentuk-bentuk kutipan zakat dalam amalan di Malaysia.

Bidang Kuasa Kutipan Zakat

Sebelum ini telah dijelaskan mengenai perundangan zakat di Malaysia. Ia secara asasnya telah menyentuh mengenai bidang kuasa kutipan zakat. Namun dalam perbincangan ini apa yang hendak ditekankan adalah sejauh mana bidang kuasa zakat tersebut dan bagaimanakah ia difahami dalam konteks kutipan zakat rentas sempadan. Dalam Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memperuntukkan bahawa:

“Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.”

Justeru itu, merujuk kepada Jadual Kesembilan, Senarai II – Senarai Negeri menyatakan bahawa;

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, 228 Undang-Undang Malaysia nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan

derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu”

Apabila kedua-dua peruntukan itu dibaca bersama jelas menunjukkan negeri mempunyai kuasa membuat undang-undang mengenai zakat dan fitrah. Oleh kerana itu, didapati beberapa enakmen atau perundangan negeri mengenai hal ini telah diwujudkan sebagaimana dalam penjelasan sebelum ini.

Apa yang hendak ditekankan adalah apakah yang dimaksudkan dengan negeri dalam perlembagaan ini? Perkara ini penting bagi mengelakkan sebarang salah faham terhadap realiti undang-undang di Malaysia seterusnya memberi kesan kepada keputusan hukum Islam yang hendak dilakukan terhadap isu-isu yang berkaitan. Dalam Bahagian 1, Fasal 1(1)(2)(3)(4) Perlembagaan Persekutuan telah menjelaskan maksud negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan:

- 1) Persekutuan dinamai Malaysia dalam bahasa Melayu dan dalam bahasa Inggeris.
- 2) Negeri-Negeri Persekutuan terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu.
- 3) Tertakluk kepada Fasal (4), wilayah-wilayah bagi setiap Negeri yang disebut dalam Fasal (2) ialah wilayah-wilayah yang termasuk di dalam Negeri-Negeri itu sebaik sebelum Hari Malaysia.

- 4) Wilayah bagi Negeri Selangor tidaklah termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 [Akta A206] dan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 [Akta A1095] dan wilayah bagi Negeri Sabah tidaklah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 [Akta A585], dan kesemua Wilayah Persekutuan tersebut hendaklah menjadi wilayah-wilayah Persekutuan.

Dengan ini jelas bahawa bidang kuasa adalah tertakluk kepada lingkungan negeri yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan. Jadi, apabila berlaku isu yang melibatkan bidang kuasa negeri atau wujud campur tangan dalam bidang kuasa ini jelas menunjukkan suatu bentuk pelanggaran kepada undang-undang negara. Hal ini juga berkait rapat juga dengan amalan mengutip zakat merentas sempadan negeri.

Kedudukan Kutipan Zakat Rentas Sempadan

Sebelum perbincangan dilanjutkan, adalah lebih baik dijelaskan beberapa fatwa yang mampu menjelaskan situasi dan realiti kutipan zakat rentas sempadan di Malaysia. Fatwa ini juga akan menjadi data analisis bagi perbincangan seterusnya. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke-5/2016 yang bersidang pada 4 Oktober 2016 bersamaan 3 Muharram 1438H memutuskan bahawa:

“Badan Bukan Kerajaan atau Non-Governmental Organization (NGO) atau individu yang dilantik oleh mana-mana pihak selain daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) bagi mengutip zakat di negeri Selangor dan mengagihkan keluar negeri Selangor tanpa izin ulil-amri adalah tidak sah dari segi hukum syarak dan bercanggah dengan peruntukan undang-undang sedia ada.”

Fatwa ini jelas menunjukkan bahawa tidak sah hukumnya mengutip dan mengagihkan zakat keluar negeri Selangor tanpa keizinan atau bukan badan yang dilantik oleh MAIS dan LZS. Perkara ini dengan nyata membuktikan bahawa wujud larangan berbentuk fatwa terhadap sebarang bentuk kutipan mahupun agihan rentas sempadan. Di dalam fatwa yang lain, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke-3/2015 yang bersidang pada 11 Ogos 2015 bersamaan 26 Syawwal 436H memutuskan bahawa:

“Wajib mengeluarkan zakat perniagaan ke atas syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang beroperasi di Negeri Selangor sepertimana yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Selangor Kali Ke-4/2008 pada 27 Ogos 2008 dan Kali Ke-4/2013 pada 9 September 2013.”

Fatwa ini juga antara lain adalah sebagai penghalang kepada aktiviti kutipan zakat rentas sempadan. Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor menjelaskan bahawa syarikat yang beroperasi di negeri Selangor wajib membayar zakat kepada LZS. Kesannya, sekiranya pembayaran dibuat keluar dari negeri Selangor hukumnya adalah dilarang kerana bersalahan dengan wajib. MAIS dan LZS pada dasarnya telah memperkasakan kutipan dan agihan zakat bagi mengelakkan amalan kutipan zakat rentas sempadan berlaku di Negeri Selangor. Berdasarkan maklumat pada tahun 2016 Zakat Selangor telah melantik 13 penolong amil IPT, 2,569 penolong amil fitrah, 6 penolong amil institusi pendidikan Islam, 63 penolong amil padi, 16 ejen syarikat, 30 ejen firma dan percukaian, 19 ejen bank dan pejabat pos (LZS, 2016). Perkara ini antara satu langkah proaktif institusi zakat negeri Selangor.

Selain itu, terdapat peraturan dan undang-undang yang telah diwujudkan di negeri Selangor bagi menjelaskan perihal pembayaran zakat tidak boleh dilakukan diluar sempadan. Dalam makna sebaliknya tidak boleh ada usaha luar untuk mengutip zakat dalam negeri Selangor. Undang-undang dan peraturan yang dibangunkan adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 87, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003;

- 1) Majlis dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membuat peraturan-peraturan untuk mengawalselia semua perkara yang berhubungan dengan pungutan, pentadbiran dan pembahagian zakat dan fitrah.
- 2) Tanpa menjejaskan kuasa keseluruhan sebelum ini, Majlis boleh membuat peraturan-peraturan untuk:-
 - a) menentukan dari semasa ke semasa nilai kadar zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh setiap orang Islam di dalam Negeri Selangor;
 - b) mewujudkan tatacara pemungutan zakat dan fitrah;
 - c) melantik amil-amil bagi menjalankan pemungutan zakat dan fitrah; dan
 - d) mewujudkan kesalahan dan memperuntukkan hukuman bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pemungutan atau penyerahan hasil pungutan zakat dan fitrah.

Justeru itu, dalam Peraturan 16, Pengenaan Zakat Harta dan Pendapatan, Peraturan-Peraturan Zakat Harta dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012 memperuntukkan;

Tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini, zakat hendaklah dikenakan:-

- a) ke atas pendapatan atau harta seseorang beragama Islam bagi satu haul;
- b) ke atas tiap-tiap orang beragama Islam yang bermastautin atau bekerja di Negeri Selangor; atau
- c) ke atas mana-mana perniagaan yang berdaftar atau beroperasi di Negeri Selangor.

Peraturan ini dengan terang menyatakan bahawa orang Islam yang bermastautin atau bekerja di Negeri Selangor boleh dikenakan zakat di Negeri Selangor. Begitu juga syarikat yang berdaftar dan beroperasi di Negeri Selangor perlu membayar zakat di Negeri Selangor.

Bagi Wilayah Persekutuan pula, setakat kajian ini tiada suatu fatwa yang khusus mengenai kutipan zakat rentas sempadan. Namun dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan Kali Ke-65, pada 19 Disember 2005M telah memutuskan hukum menyalurkan wang lebihan zakat di Wilayah Persekutuan ke negeri lain yang memerlukan sebagaimana berikut;

- 1) Adalah harus wang lebihan zakat dari Wilayah Persekutuan diagihkan atau disalurkan ke negeri-negeri lain yang berdekatan yang memerlukan.
- 2) Kelulusan peruntukan tersebut adalah ditentukan oleh MAIWP dengan mengambil pandangan dari S.S. Mufti Wilayah Persekutuan.

Dari aspek perundangan, tiada suatu bentuk enakmen yang jelas bagi menyatakan kedudukan kutipan dan agihan zakat di Wilayah Persekutuan. Namun, Seksyen 7, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 merupakan undang-undang umum yang boleh digunakan. Selain itu, Seksyen 33, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 juga boleh dijadikan asas berkaitan pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa.

Antara negeri yang menjadi skop kajian juga adalah Negeri Perlis. Namun berasaskan semakan kepada senarai fatwa Perlis, tidak didapati satu fatwa yang khusus mengenai kutipan zakat rentas sempadan. Mengenai undang-undang dan peraturan Negeri Perlis, dalam seksyen 86, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis) 2006 memperuntukkan;

Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Perlis mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah.

Apa yang pasti adalah wujud fatwa dan undang-undang secara umum mahupun khusus dalam menjelaskan kutipan zakat rentas sempadan di Malaysia. Oleh itu, secara umumnya negeri di Malaysia telah memperuntukkan kutipan zakat rentas sempadan tidak boleh diamalkan, bahkan secara khususnya negeri-negeri yang dijadikan skop penyelidikan ini juga menjelaskan kenyataan yang serupa.

Bentuk Kutipan Zakat Rentas Sempadan

Setelah memahami kedudukan secara umum mengenai zakat rentas sempadan, adalah sangat perlu dijelaskan mengenai bentuk kutipan zakat rentas sempadan dalam realiti di Malaysia. Berasaskan kajian di jalankan, bentuk kutipan zakat rentas sempadan akan dibahagikan kepada dua komponen, iaitu (1) secara langsung dan (2) secara tidak langsung³.

- 1) Kutipan zakat rentas sempadan secara langsung. Ia merupakan satu kutipan yang secara jelasnya merupakan satu bentuk atau usaha mengutip zakat di luar sempadan bidang kuasa yang diberikan atau bidang kuasa badan yang melantik. Kutipan zakat rentas sempadan secara langsung meliputi keadaan berikut;
 - a) Ejen yang dilantik oleh institusi zakat mengutip zakat di luar kawasan bidang kuasa yang melantik.
 - b) Perluasan kuasa kutipan ejen yang bukan sahaja melibatkan kutipan zakat perniagaan tetapi kutipan zakat pendapatan. Ini memberi kesan dari aspek orang yang duduk di sesebuah negeri tetapi bekerja di negeri lain. Sedangkan berasaskan prinsip zakat, zakat perlu dibayar di tempat ia memperolehi harta iaitu tempat dia bekerja.
- 2) Kutipan zakat rentas sempadan secara tidak langsung. Ia merupakan satu amalan zakat yang melibatkan persempadanan negeri, namun amalan kutipan ini sukar untuk dikawal, bahkan memerlukan satu rundingan yang panjang. Kutipan zakat rentas sempadan secara tidak langsung meliputi keadaan berikut;
 - a) Syarikat dan individu (pembayar) yang dengan rela hati membayar zakat di institusi zakat di luar kawasan. Iaitu institusi yang tidak mempunyai bidangkuasa kutipan bagi tempat pembayar tersebut. Institusi zakat tempat dibayar itu mempunyai data pembayar walaupun bukan pembayar kawasan bidangkuasa. Dan sebarang perhubungan, perkongsian maklumat,

menyemak semula kadar bayaran dan penukaran sistem zakat berkaitan adalah termasuk dalam kategori ini.

- b) Pembayar yang dahulunya adalah pembayar zakat bagi sesebuah institusi zakat kerana ia bekerja dan menetap/beroperasi dalam kawasan bidang kuasa institusi tersebut. Kemudian pembayar tersebut berpindah ke luar kawasan atau beroperasi di luar kawasan.
- c) Beberapa keadaan juga di mana syarikat yang beroperasi di sesebuah negeri tetapi menggunakan nama negeri lain. Jadi dia akan membayar zakat berasaskan nama syarikatnya. Keadaan ini lazim berlaku bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- d) Sebuah syarikat yang berada di sesebuah sempadan, lalu memilih untuk membayar zakat bagi institusi zakat yang berkemungkinan bukan di dalam kawasan bidangkuasa. Pemilihan ini mungkin berlaku atas dasar kerjasama dan kecenderungan lembaga syarikat tersebut.
- e) Sebuah syarikat yang mempunyai cawangan di pelbagai negeri. Namun begitu, pusat pentadbirannya terletak di negeri tertentu sehingga pembayaran zakat dilakukan di mana pusat pentadbiran beroperasi.

Bentuk kutipan ini, khususnya kutipan zakat rentas sempadan secara langsung perlu diberi perhatian, kerana pada asasnya ia boleh memberi implikasi negatif kepada negeri yang dikutip. Bahkan, kemaslahatan asnaf di negeri yang sepatutnya menerima zakat juga tidak dapat dibela dengan sebaiknya.

3 Temubual bersama Ust. Ahmad Husni Abdul Rahman, Unit Syariah dan Tugas-Tugas Khas, Pusat Pungutan Zakat, MAIWP, pada 13 September 2018; Temubual bersama S.S. Dato' Dr. Hj. Anhar Haji Opir, Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Selangor, pada 28 September 2018. Temubual bersama Dr. Hajjah Adibah Abd Wahab, Ketua Divisyen Penyelidikan dan Pusat Kecemerlangan, Lembaga Zakat Selangor, pada 12 Oktober 2018.

Kedudukan Hukum Kutipan Zakat Rentas Sempadan

Perbincangan hukum dalam bahagian ini mempunyai perkaitan dengan perbincangan-perbincangan sebelum ini. Oleh itu, terdapat beberapa maklumat akan ditekankan sebelum perbahasan lanjut dilakukan. Antara perkara penting yang perlu ditekankan adalah lokasi kutipan zakat. Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa;

- 1) Zakat wajib dikeluarkan di tempat mana harta berada.
- 2) Maksud tempat harta berada itu adalah di mana harta itu diperolehi kerana harta itu berada dalam lingkungan orang yang layak menerima zakat. Hal ini mengambil kefahaman kontekstual ayat al-Quran (al-Hasyr; 7) dan hadis Mu'adh RA.
- 3) Apabila kutipan zakat dilakukan secara tidak beretika dengan merentas sempadan, ia tidak mampu mempengaruhi pembayar lain tentang ketelusan kutipan dan agihan. Bahkan ia memberi imej yang tidak baik kepada institusi zakat.
- 4) Masyarakat setempat dari kalangan asnaf yang melihat dan dapat mengetahui kewujudan harta dalam lingkungan mereka adalah orang yang berhak untuk menerima zakat daripada harta tersebut.

Jadi, persoalan utama yang perlu dijelaskan adalah kedudukan hukum memindahkan zakat ke negeri lain. Sebagaimana yang telah disebutkan, perbahasan fiqh zakat dalam isu ini menyentuh mengenai naql al-zakat (memindahkan harta zakat), akan tetapi perbincangan ini boleh dilihat dari dua perspektif iaitu agihan dan kutipan. Namun perspektif kutipan perlu dilihat lebih serius kerana ia telah melibatkan faktor perundangan dan hak.

Pada permulaan perbincangan, perlu dijelaskan bahawa al-Nawawi menyenaraikan tiga syarat pengeluaran zakat, iaitu;

- 1) Hadinya harta zakat padanya, sekiranya harta tersebut tiada padanya tidak wajib mengeluarkan zakat walaupun diambil dari harta yang berada di tempat lain.
- 2) Wujudnya orang yang hendak ditunaikan zakat tersebut. Dalam hal ini melibatkan dia kategori harta iaitu harta zahir dan harta batin. Harta batin boleh diserahkan terus ke asnaf, melalui wakil atau diserahkan kepada pemerintah. Maksud wujudnya orang yang hendak

ditunaikan zakat ini adalah asnaf, pemerintah ataupun pihak yang dilantik pemerintah. Bagi harta zahir pula diserahkan terus kepada asnaf atau boleh juga diserahkan kepada pemerintah.

- 3) Mampu untuk menunaikannya dari sebab urusan agama dan keduniaan.

Justeru itu, apa yang dapat difahami dari syarat ini adalah zakat perlu dibayar pada harta yang dimiliki dan berada padanya dan tidak diambil dari tempat harta itu berada untuk dibayar zakat. Ini menunjukkan zakat dibayar di mana tempat harta itu berada. Walaupun begitu, tidak dinafikan wujudnya perbezaan pandangan tentang hal ini. Perbezaan pendapat tersebut akan dijelaskan bagi memberi kefahaman kedudukan hukum memindahkan zakat.

Ibn Hajar (t.t.) menaqlikan perkataan Ibn al-Munayyir bahawa al-Bukhari berpendapat harus untuk memindahkan harta zakat daripada tempat harta itu berada. Hal ini jelas difahami daripada sabda Nabi SAW;

Yang bermaksud; Bahwasanya ketika Rasulullah SAW mengutus Muadh ke Yaman, beliau bersabda kepadanya, "Serukanlah mereka supaya bersaksi bahawa sesungguhnya tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah dan sesungguhnya Aku adalah utusan Allah, maka jika mentaati hal tersebut, maka khabarkanlah kepada mereka bahwasanya Allah telah mewajibkan solat lima waktu dalam sehari semalam, dan jika mereka telah melaksanakannya maka khabarkanlah kepada mereka bahwasanya Allah telah mewajibkan zakat pada harta benda mereka, yang diambil dari orang-orang kaya di antara mereka untuk dibahagikan kepada orang-orang fakir di antara mereka."
(Hadis riwayat al-Bukhari)

Maksud diserahkan (dipulangkan) kepada orang faqir dalam kalangan mereka itu adalah bersifat umum. Ini berasaskan damir (kata nama gentian) "هم" bermakna mereka itu adalah merujuk maksud umum iaitu kembali kepada seluruh orang Islam. Jadi setiap orang faqir dalam kalangan orang Islam akan diserahkan zakat kepadanya pada setiap pelusuk

mereka berada berselarasan dengan keumuman hadis (Ibn Hajar, t.t.).

Akan tetapi, daripada hadis yang sama itu juga difahami secara langsung (yang terlintas dalam fikiran) adalah tidak boleh memindahkan zakat. Kerana damir itu merujuk kepada golongan yang hendak ditujukan (dalam konteks hadis adalah orang Yaman). Bermakna zakat diserahkan khusus kepada orang fakir dalam kalangan mereka (Ibn Hajar, t.t.).

Pandangan al-Bukhari ini disokong oleh Ibn Daqiq al-‘Ayd. Beliau berkata walaupun hal ini merujuk kepada golongan tertentu iaitu orang Yaman, tetapi i’tibar adalah meliputi keseluruhan. Seperti juga dalam perintah solat yang meliputi semua orang Islam. Oleh itu sesuatu hukum tidak dikhususkan kerana khususnya arahan kepada sesuatu golongan (Ibn Hajar, t.t.).

Pada asasnya, ulama telah berbeza pandangan tentang masalah pemindahan zakat ini. Menurut al-Layth, Abu Hanifah dan pengikutnya dan merupakan pandangan yang dinaqalkan oleh Ibn Mundhir daripada al-Syafi’l menyatakan bahawa memindahkan harta zakat adalah harus (memindahkan bayaran zakat keluar dari tempat harta tersebut berada). Akan tetapi pandangan yang kuat dalam golongan Syafi’iyyah, Malikiyyah dan Jumhur adalah tidak memindahkan harta zakat tersebut. Akan tetapi golongan Malikiyyah berpandangan sekiranya seseorang membayar zakat ditempat lain tetap pembayaran tersebut dianggap sah dan tidak sah menurut golongan Syafi’iyyah kecuali di tempat harta tersebut tidak wujud lagi asnaf yang berhak menerima zakat (Ibn Hajar, t.t.).

Hal ini jelas dinyatakan oleh al-Nawawi (2003) di dalam al-Rawdah;

Harta yang ghaib (tiada bersama pemiliknya), jika dia tidak mampu untuk sampai kepadanya kerana terputusnya jalan atau tidak mengetahui kedudukannya (seperti harta yang dirampas), menurut sebahagian pendapat wajib dikeluarkan zakat, dan tidak wajib mengeluarkan zakat sehingga dia sampai kepada harta tersebut, dan jika ia mampu untuk sampai kepada hartanya maka wajib untuk mengeluarkan zakat dan hendaklah dikeluarkan di negeri harta tersebut, jika dia mengeluarkan zakat selain daripada tempat harta tersebut adalah termasuk dalam perbezaan ulama.

Al-Nawawi (2003) menambah bahawa keadaan itu belaku jika harta tersebut berada tetap pada suatu kawasan atau negeri, jika sekiranya harta tersebut bergerak dalam tempoh tertentu, maka tidak dikeluarkan zakat sehingga harta tersebut kembali ke tangan pemiliknya, jika harta tersebut telah sampai zakat perlu dilaksanakan termasuk tahun-tahun yang berlalu (sewaktu harta tersebut bergerak).

Al-Nawawi (2003) juga menyatakan di tempat yang lain;

Jika tidak ada pada suatu negeri itu semua asnaf, maka wajib dipindah zakat tersebut ke negeri terdekat, jika dipindahkan ke tempat yang jauh adalah suatu yang diperselisihkan ulama walaupun tidak ada sebahagian asnaf, asnaf amil akan gugur sahamnya jika tiada asnaf yang lain

Di dalam Fath al-Mu’in, tegahan memindahkan zakat ini dilihat lebih tegas, kenyataan tersebut adalah;

Tidak harus pemerintah memindahkan zakat daripada negeri harta, walaupun dalam jarak yang dekat dan tidak sah zakat tersebut

Ditambah lagi dengan kenyataan al-Malibari (2004);

Dinaqalkan daripada Umar, Ibn ‘Abbas dan Huzayfah RA bahawa harus menunaikan zakat kepada satu asnaf sahaja, ini merupakan pandangan Abu Hanifah. Imam Abu Hanifah mengharuskan pemindahan zakat dalam kerangka hukum makruh dan membayar nilainya sahaja.

Al-Ardabili (2006) menjelaskan hal yang sama bahawa tidak harus memindahkan zakat walau ke suatu tempat yang dekat dan memerlukan. Sekiranya tiada semua asnaf kecuali satu asnaf atau satu orang maka zakat perlulah diserahkan kepada asnaf atau individu itu keseluruhannya. Jika dia telah terkeluar dari kelayakan maka jumlah lebihan zakat boleh dipindahkan ke negeri lain yang berdekatan. Begitu juga halnya jika dalam negeri itu tidak ada seorang asnaf pun.

Perlu dijelaskan juga bahawa zakat perlu dibayar menggunakan mata wang sesuatu negara, iaitu negara yang berlalunya haul harta, sebagaimana yang dikatakan oleh al-Mawardi. Maksud negara atau al-bilad adalah tempat harta itu berada sewaktu haulnya berlalu. Makna lain adalah negara tempat zakat dikeluarkan. Maksud yang jelas adalah negara tempat harta berada kerana dimaklumi tidak harus memindahkan zakat. Jika di dalam negara harta tersebut tiada asnaf yang layak maka zakat dipindahkan ke negara terdekat dengan sebab yang munasabah (Ibn al-Mulaqqin, 1986). Hal ini jelas, menunjukkan antara hikmah pembayaran zakat tersebut dilaksanakan dalam kerangka kawasan yang terhad.

Perbincangan yang serupa dinyatakan oleh al-Hisni (2001), beliau menjelaskan; Tidak harus untuk membayar zakat kepada orang kafir berasaskan sandaran hadis Muadh yang bermaksud; “kemudian ajarkanlah mereka bahawa ke atas mereka itu tanggungjawab zakat yang diambil dari orang kaya dalam kalangan mereka dan diserahkan kepada orang fakir dalam kalangan mereka”. Oleh itu zakat tidak diambil kecuali dari orang kaya dalam kalangan orang Islam

dan tidak diserahkan kecuali kepada orang fakir yang Islam. Tindakan itu tidak kira zakat fitrah atau zakat harta kerana keumuman hadis. Ulama juga berpegang terhadap larangan memindahkan zakat daripada negeri harta berasaskan hadi yang sama, pegangan tersebut adalah berasaskan pemerhatian yang zahir. Al-Nawawi menjelaskan bahawa daripada hadis itu ada kemungkinan merujuk kepada orang fakir dalam kalangan kaum muslimin, orang fakir dari negeri tersebut dan orang fakir dari tempat tersebut. Namun, kemungkinan orang fakir dari negeri tersebut adalah lebih zahir.

Al-Baji juga berpendapat boleh memindahkan harta zakat dalam negeri (yang masih dalam luar lingkungan permusafiran) dan di luar negeri tempat harta berada (al-Hattab, t.t.). Ibn Rusyd (2009) pula berpandangan bahawa tidak harus memindahkan zakat dari negeri harta berada ke negeri lain kecuali jika darurat.

Menyatakan bahawa haram memindahkan zakat keluar dari lingkungan yang membolehkan qasar solat, sama ada untuk membantu atau wujudnya keperluan mendesak ataupun tidak. Ibn al-Banna menyatakan hukumnya makruh, manakala al-Khiraqi, Ibn Hamid dan al-Qadi berpandangan zakat itu tidak tertunai sama seperti memberi zakat kepada orang yang bukan asnaf. Di dalam Muntaha al-Ghayat menyatakan hukumannya makruh. Abu al-Khattab dan selainnya menyatakan zakat yang dipindah itu tertunai. Terdapat juga yang mengharuskan memindah zakat ini jika wujud keperluan yang jelas. Al-Ajuri juga memilih pandangan ini dan menambah bahawa harus juga memindahkan ke tempat lain untuk diserahkan kepada keluarga dan kerabat (Ibn Muflih, 2003).

Al-Kalyabuli (1998) menjelaskan bahawa makruh memindahkan zakat dari tempat harta berada ke tempat lain. Kerana dalam zakat harta, zakat dibayar di tempat harta bukan pemilik. Maksud tempat harta berada itu adalah di tempat sempumanya haul harta tersebut. Ini adalah pandangan al-asah dalam mazhab Hanafi kecuali Abu Yusuf. Namun, dikecualikan jika pemindahan itu dilakukan kepada kaum kerabat atau untuk satu keperluan yang amat sangat. Beliau menambah, sekiranya pembayar zakat itu duduk di negara kafir harbi bersama hartanya, zakat hendaklah di bayar asnaf dalam negara Islam walaupun dalam negara kafir harbi itu mempunyai orang yang layak diserahkan zakat.

Al-Bahuti (1997) menyatakan bahawa sekiranya tiada asnaf atau sebahagian mereka harta zakat yang berbaki akan dipindahkan ke negeri yang terdekat. Hal ini selaras dengan peristiwa Muadh yang menghantar hasil zakat kepada Umar, lalu beliau ditegur, Muadh menjawab teguran Umar bahawa dia tidak akan menghantar sedikitpun hasil zakat ini jika masih ada orang yang memerlukan zakat tersebut. Selain itu, al-Bahuti (1997) juga menjelaskan bahawa orang yang bermusafir hendaklah mengeluarkan zakat di tempat kebanyakan hartanya terletak atau di kawasan hartanya melalui kebanyakan tempoh haul.

Ibn Qudamah (1997) di dalam al-Mughni pula menjelaskan bahawa pendapat dalam mazhab Hanbali adalah tidak harus memindahkan zakat ke kawasan lain. Beliau menyatakan bahawa Abu Dawud mendengar daripada Imam Ahmad ditanya tentang zakat yang dihantar dari sebuah negeri ke negeri lain, lalu Imam Ahmad melarang. Lalu ditanya lagi jika harta itu dipindahkan untuk kaum keluarga, Imam Ahmad mengatakan tidak. Kebanyakan ahli ilmu juga menyatakan tidak harus memindahkan zakat dari tempat harta itu berada. Dirwayatkan juga bahawa Umar Abd al-Aziz memulangkan zakat yang dibawa dari Khurasan ke Syam kembali ke Khurasan. Dirwayatkan juga bahawa al-Hasan dan al-Nakha'i memakruhkan memindahkan zakat dari suatu negeri ke negeri lain kecuali untuk kaum keluarga. Ibn Qudamah (1997) juga menegaskan bahawa zakat tidak boleh dipindahkan dari tempat harta berada berasaskan kenyaataan khusus dari hadis Mu'adh.

Dalam perbincangan lain, al-Zabidi (2006) menjelaskan mengapa dihukumkan memindah zakat dari negeri harta berada ke negeri lain sebagai makruh. Ia berasaskan meraikan hak kejiranan di mana jiran yang terdekat akan lebih utama diraikan. Tetapi jika dipindahkan ke tempat lain, zakat dianggap tertunai walaupun hukumnya makruh.

Justeru itu, zakat tidak dipindahkan ke negeri lain kecuali mereka sangat memerlukannya daripada orang kampung atau asnaf di tempat harta itu berada. Ibn Humam (2003) juga menyatakan hal yang sama seperti berikut;

Adalah makruh memindahkan zakat daripada suatu negeri ke negeri lain, akan tetapi ia dibahagikan kepada setiap asnaf yang berada bersama mereka (pembayar zakat) sebagaimana difahami daripada hadis Mu'adh. P adanya meraikan hak kejiranan. Namun dikecualikan jika memindahkan zakat kepada keluarganya atau kaum yang lebih memerlukan kerana p adanya ada nilai menyambung silaturrahim atau menambahkan manfaat dan keperluan. Jika dipindahkan kepada orang lain masih lagi zakat tersebut tertunai walaupun hukumnya makruh. Dan nas juga menjelaskan bahawa zakat dibelanjakan kepada orang faqir secara mutlak.

Al-Sarakhsi (t.t.) juga menjelaskan hal yang sama iaitu;

***Ibn Mubarak menyatakan bahawa
Abi Hanifah berkata; Janganlah kamu
mengeluarkan zakat dari negeri ke negeri
lain kecuali kepada kaum keluarga.***

Lanjutan daripada perbahasan tersebut, dapat dikenalpasti ruang perbincangan hukum mengenai kutipan zakat rentas sempadan dengan memahami fiqh berkaitan pemindahan zakat. Rumusan umum kepada perbincangan fuqaha' tersebut dapat dijelaskan sebagaimana berikut;

- 1) Ulama berbeza pendapat mengenai hukum pemindahan zakat, satu golongan mengatakan haram, golongan yang lain mengatakan tidak harus begitu juga yang jelas mengatakan hukumnya adalah makruh ataupun harus.
- 2) Golongan yang tidak membenarkan pemindahan zakat (iaitu pandangan yang haram, makruh atau tidak harus) pula berbeza pandangan dari sudut jika zakat itu dipindahkan juga adakah ia dianggap tertunai ataupun tidak.
- 3) Sebahagian golongan yang tidak membenarkan juga menyatakan zakat boleh dipindahkan dalam tiga keadaan iaitu;
 - a) Dipindahkan kepada kaum kerabat yang layak menerima zakat;
 - b) Dipindahkan kepada golongan yang sangat memerlukan;
 - c) Orang yang berada di negara kafir harbi perlu memindahkan zakatnya kepada orang Islam di negara Islam (al-Hamawi, 1985).
- 4) Batasan kawasan tempat harta berada adalah di mana harta tersebut melalui kebanyakan haulnya.
- 5) Kebanyakan ulama menjelaskan keutamaan memindahkan zakat adalah kepada negeri atau kawasan yang terdekat. Batasan persempadanan negeri atau kawasan pula dinilai dari jarak yang mengharuskan qasar.

Justeru itu, sememangnya tidak dinafikan bahawa isu kutipan zakat rentas sempadan merupakan apa yang diperselisihkan oleh ulama. Apa yang perlu adalah memahami realiti pentadbiran zakat di Malaysia, realiti institusi zakat, implikasi, dan sejauh mana amalan itu berada dalam kerangka teori pemindahan zakat dalam karya fiqh. Justeru, sebarang pemilihan pandangan perlulah didasari justifikasi yang kukuh, pengambil kiraan masalah dan mafsadah dan uruf masyarakat.

Fatwa Antarabangsa Mengenai Kutipan Zakat Rentas Sempadan

Beberapa fatwa telah diputuskan mengenai pemindahan zakat ke negeri lain. Oleh itu kefahaman pemindahan tersebut masih lagi dalam perspektif kutipan dan agihan. Fatwa-fatwa tersebut diringkaskan sebagaimana dalam jadual berikut;

BIL.	BADAN FATWA	KEPUTUSAN	RUJUKAN
1.	Al-Lajnah al-Daimah li al-Buhuth al-Ilmiyyah wa al-Ifta'	Ulama berbeza pendapat tentang hukum pemindahan zakat. Sebahagian melarang kecuali jika dalam negerinya tiada orang miskin. Dan sebahagian yang mengharuskan khususnya untuk memindahkan kepada kaum kerabat yang memerlukan.	www.alifta.net
2.	Dar al-Ifta' al-Misriyyah	Asal hukum zakat dikeluarkan ditempat ia diwajibkan melengkapi makna tolong menolong. Namun dikecualikan jika wujud masalah yang lebih rajih seperti orang yang sangat memerlukan atau kepada kaum kerabat.	dar-alifta.org/ar
3.	Dar al-Ifta', Jordan	Harus memindahkan zakat ke tempat (negeri) lain, iaitu dari tempat ia diwajibkan, selagi mana wujudnya orang yang layak menerima zakat di tempat negeri yang hendak dipindahkan khususnya orang yang berhajat kepada zakat tersebut. Antaranya menyerahkan zakat kepada kaum kerabat, orang yang sangat berhajatkan zakat atau berlaku bencana yang memerlukan bantuan segera dan selainnya.	www.aliftaa.jo
4.	Al-Multaqa al-Fiqhi	Hukum asal pemindahan adalah tidak dibenarkan, namun dibenarkan kerana beberapa keadaan; <ul style="list-style-type: none"> 1) Menyerahkan kepada orang yang lebih memerlukan dari negara sendiri. 2) Menyerahkan kepada kaum kerabat yang tergolong dalam kategori asnaf. 3) Diberikan kepada penuntut ilmu. 4) Pertimbangan masalah yang lebih besar jika dipindahkan <p>Terdapat juga beberapa asnaf yang berkemungkinan tidak berada dalam negeri seperti fi sabilillah, ibn sabil, orang dalam tawanan dan selainnya.</p> <p>Pemindahan zakat adalah berasaskan pandangan pemerintah (bayt al-zakah) melalui pertimbangan masalah.</p>	fiqh.islammessage.com
5.	Al-Islam Su'al wa Jawab	Asal hukum zakat diserahkan kepada asnaf negeri harta, namun harus dipindahkan kepada orang yang sangat memerlukan atau kaum kerabat yang berada di negeri lain	islamqa.info/ar

Keputusan fatwa ini jelas menyatakan bahawa asal penyerahan zakat adalah di tempat harta berada dan menyedari bahawa wujudnya perbezaan pandangan dalam isu ini. Dar al-Ifta', Jordan pula secara terus mengharuskan pemindahan zakat, ini berkemungkinan setelah melalui penilaian terhadap perbezaan pandangan ulama. Sebagaimana yang telah ditegaskan berulang kali, apabila membincangkan isu pemindahan zakat secara dasarnya ia boleh dilihat dari perspektif agihan dan kutipan. Namun begitu, apabila diteliti dari sudut realiti, perbincangan fiqh dan fatwa terdapat beberapa perbezaan antara kutipan dan agihan. Kerana itulah, perbincangan otoritatif dan karitatif adalah penting untuk difahami. Prinsip kutipan biasanya melibatkan kuasa dan kelayakan. Sekiranya tiada kuasa dan kelayakan prinsip otoritatif tidak dapat dilaksanakan. Berbeza dengan karitatif, kesedaran dan kerelaan hati menjadikan amalan zakat terlaksana.

Begitu juga dalam perbincangan mengenai hukum pemindahan zakat, walaupun keharusan memindahkan

zakat, tetapi ia telah mengambil kira realiti setempat, iaitu keadaan asnaf dan situasi mereka di tempat harta zakat berada. Tetapi, kutipan pula adakah telah mengambilkira keadaan asnaf negeri yang dikutip, Dan apakah situasi mereka mendesak untuk mengutip di negeri lain atau apakah kuasa mereka sehingga layak mengutip di tempat lain. Sedangkan memindah zakat dari perspektif karitatif ini pada asalnya tidak dibenarkan kecuali beberapa keadaan, apatah lagi otoritatif yang memerlukan kuasa dan kelayakan untuk bertindak. Apatah lagi dalam realiti Malaysia wujud undang-undang yang mengawal selia yang sangat perlu dipertimbangkan.

BAHAGIAN 7

Kesimpulan

Sekiranya perbincangan pemindahan zakat (naql al-zakat) dilihat dari perspektif agihan, ia adalah suatu yang memberi manfaat sekiranya realiti asnaf tempat zakat sepatutnya diagihkan diambilkira. Akan tetapi, handaklah melalui saluran yang betul selaras dengan peruntukan undang-undang dan bidangkuasa yang wujud. Dalam amalan di Malaysia, agihan merentas sempadan ini lazimnya berlaku kerana bencana atau seumpamanya.

Implikasi Kutipan Zakat Rentas Sempadan

Pengurusan zakat dari sudut kutipan, perbincangan pemindahan ini dilihat dari perspektif kutipan terdapat beberapa perkara yang perlu difahami. Oleh itu, hukum yang dibincangkan dalam pemindahan tidak secara terus boleh terpakai dalam kutipan. Oleh itu, implikasi kutipan zakat rentas sempadan adalah sebagaimana berikut;

- 1) Kutipan ini memberi implikasi positif kepada negeri yang mengutip dari sudut peningkatan jumlah kutipan dan kelebihan kepada asnaf negeri tersebut.
- 2) Bagi negeri yang dikutip, ia memberi kesan negatif dari sudut penurunan jumlah kutipan dan seterusnya memberi kesan kepada asnaf negeri tersebut.
- 3) Perancangan institusi zakat akan berhadapan dengan kesukaran apabila jumlah kutipan yang diharapkan tidak mencapai sasaran.
- 4) Operasi pemerksaan asnaf akan terbantut dan ekonomi muslim akan terjejas.
- 5) Dari sudut ketelusan kutipan dan agihan menggambarkan sisi negatif. Berikutan tidak dapat dikenalpasti rekod dan laporan kutipan dan agihan (ejen) yang terperinci. Apa yang membimbangkan adalah ejen yang dilantik tersebut benar-benar menyerahkan hasil zakat kepada asnaf yang berhak.
- 6) Imej institusi zakat akan tercalar, hal ini menggambarkan satu imej pengurusan zakat yang tidak sistematik dan imej negatif lain seperti perebutan wang zakat dan seumpamanya.


Dengan mengetahui implikasi kutipan zakat rentas sempadan, didapati kerosakan lebih ketara. Oleh kerana itu, apabila melaksanakan sebarang kutipan dan agihan perkara seumpama ini perlu sentiasa diberi tumpuan.

Rumusan Pandangan Kajian

Berdasarkan data-data yang telah dikumpul dan dianalisis, beberapa rumusan penting dan penekanan yang perlu diberi perhatian akan dijelaskan semula. Hal ini untuk mendapatkan gambaran keseluruhan kepada kajian ini. Pada dasarnya penyelidikan kutipan zakat rentas sempadan: konsep dan realitinya di Malaysia daripada kerangka berikut;

RAJAH 1:

Kerangka Penyelidikan Kutipan Zakat Rentas Sempadan: Konsep dan Realitinya di Malaysia



Lantaran daripada itu, perbincangan pada akhirnya dapat menjelaskan kedudukan kutipan zakat rentas sempadan berasaskan realiti di Malaysia. Perkara pertama yang perlu ditekankan adalah teori kutipan zakat, pada dasarnya kutipan zakat dapat dibahagikan kepada dua iaitu otoritatif (khuz min amwalihim) dan karitatif (wa atu al-zakat). Otoritatif melibatkan kelayakan dan kuasa, oleh itu tanpa kelayakan dan kuasa ia tidak dapat atau tidak boleh dilaksanakan. Manakala karitatif adalah bersifat kerelaan dan memahami tanggungjawab atas kewajipan, justeru pendidikan dan kefahaman adalah medium yang penting untuk dibahaskan.

Berkenaan tempat kutipan zakat, ulama bersepakat bahawa pada dasarnya zakat diwajibkan di tempat harta berada (al-Qaradawi, 1994). Oleh itu, tempat wajib zakat dikutip mahupun dikeluarkan adalah di tempat ia berada. Ini meraikan hak kejiranan dan membawa objektif utama zakat iaitu perkongsian antara orang kaya dan miskin yang hidup Bersama dalam satu negeri atau tempat.

Dari sudut realiti, kutipan dan agihan zakat dilakukan dalam setiap negeri-negeri di Malaysia. Peruntukan jelas menyatakan kutipan zakat perlu dilakukan dalam kawasan bidang kuasa yang diberikan, iaitu di dalam negeri sahaja. Beberapa fatwa juga telah diputuskan bagi mendokong realiti ini. Namun, begitu terdapat beberapa amalan kutipan zakat rentas sempadan telah berlaku, ia dibahagikan kutipan secara langsung dan tidak langsung. Kedua-duanya memberi implikasi negatif dan mewajarkan usaha untuk membendunginya, lebih khusus bagi kutipan zakat rentas sempadan secara langsung yang bercanggahan dengan undang-undang dan dilaksanakan dengan aktif.

Berbalik kepada perbincangan rentas sempadan, dalam fiqh perbincangan kutipan zakat rentas sempadan tidak disentuh secara jelas, tetapi ia sangat difahami dalam membincangkan isu pemindahan zakat dari negeri harta ke negeri lain. Perbincangan ini boleh difahami dari dua perspektif iaitu agihan dan kutipan. Oleh itu, ia boleh menjadi hujah kepada pihak yang mahu melaksanakan kutipan zakat rentas sempadan. Namun, jika difahami dalam semangat Syariah, perundangan dan urf setempat sangat diambilkira, oleh itu jika difahami secara menyeluruh, kutipan zakat rentas sempadan telah membelakangi perbincangan fiqh pemindahan zakat, undang-undang dan realiti tempat zakat dikutip. Kerana kutipan bersifat otoritatif adalah memerlukan kelayakan dan kuasa, sedangkan kutipan zakat rentas sempadan adalah satu tindakan tanpa kuasa dan kelayakan.

Selain itu dalam perbahasan fiqh pemindahan zakat dibenarkan sekiranya tiada orang yang layak di negeri berkenaan, atau keperluan asnaf telah dipenuhi (asnaf telah menjadi kaya) dan zakat masih berbaki, atau dipindahkan kepada kaum kerabat atau kepada orang yang sangat memerlukan. Perkara ini walaupun masih dalam kerangka perselisihan fuqaha' masih juga tidak diambil kira oleh pihak yang mengamalkan kutipan zakat rentas sempadan. Namun pada asalnya pemindahan zakat adalah haram dan dilarang menurut kebanyakan ulama.

Begitu juga, elemen *hajah* (keperluan) juga perlu difahami secara mendalam. Pada dasarnya keperluan ini adalah dalam pertimbangan pemerintah di tempat negara berada. Keperluan ini juga digambarkan dalam sebahagian penulisan fiqh sebagai bencana. Dalam realiti di Malaysia, mungkin boleh juga diambil kira keperluan yang berbentuk kemiskinan yang melampau. Untuk membuktikan hal ini, statistik kemiskinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia boleh menjadi rujukan.

Namun begitu, statistik kemiskinan tidak boleh dijadikan satu-satunya alasan untuk melakukan kutipan zakat rentas sempadan. Bahkan perundangan juga perlu diambilkira. Pendekatan yang lebih harmoni melalui kerjasama dan perbincangan boleh dilakukan jika masyarakat di sesuatu negeri sangat memerlukan sumber kewangan atau dana seperti zakat. Lantaran itu, dapat disimpulkan bahawa kutipan zakat rentas sempadan adalah sesuatu yang dilarang dalam perbahasan hukum Islam. Larangan ini juga boleh diperkukuhkan oleh undang-undang dan fatwa yang telah diputuskan di Malaysia.

Saranan Kepada Institusi-Institusi Zakat

Daripada hasil kajian ini terdapat beberapa saranan yang wajar dikemukakan kepada semua institusi zakat negeri-negeri;

- 1) Institusi zakat negeri-negeri perlu mencadangkan atau menyediakan kertas fatwa atau peraturan yang jelas mengenai larangan melaksanakan kutipan zakat rentas sempadan di negeri masing-masing.
- 2) Keputusan itu perlulah disokong dengan hujah fiqh dan perundangan Malaysia.
- 3) Perlu disedari bahawa peranan pemerintah boleh dijadikan hujah kukuh dalam amalan kutipan atau agihan zakat merentasi sempadan.
- 4) Walaupun wujud perbezaan pandangan dalam isu ini, namun pandangan yang melarang boleh ditarjihkan atas beberapa alasan sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.
- 5) Institusi zakat negeri-negeri boleh mencadangkan sebarang fatwa atau peraturan yang melibatkan kenyataan "orang yang bekerja dan menetap di negeri sekian, perlu membayar zakat di negeri tersebut". Kerana alasan fiqh jelas menyatakan zakat dikutip di tempat harta berada.
- 6) Fatwa yang diputuskan dan peraturan yang dilakukan boleh menjadi hujah atau kata mu'tamad kepada hukum sah atau tidak bayaran zakat yang merentasi sempadan.

RUJUKAN

- Al-Bahuti, Mansur bin Yunus (1997). *Kasysyaf al-Qina* 'an Matn al-Iqna'. Bayrut: Dar al-'Alim al-Kutub.
- Al-Maqdisi, Ibn Qudamah (1997). *Al-Mughni*. al-Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.
- Al-Zabidi, Abu Bakr bin 'Ali (2006). *Al-Jawharah al-Nayyirah* syarh Mukhtasar al-Quduri. Bayrut: Dar al-Kiutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sarkhasi (t.t.). *Al-Mabsut*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din bin Syaraf (t.t.). *Al-Majmu*' Syarh al-Muhadhdhab. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din bin Syaraf (2003). *Rawdah al-Talibin*. Al-Riyad: Dar 'Alam al-Kutub.
- Al-Ardabili, Yusuf bin Ibrahim (2006). *Al-Anwar li A'mal al-Abrar*. Al-Kuwayt: Dar al-Diya'.
- Ibn al-Mulaqqin (1986). *Tuhfah al-Muhtaj ila Adillah al-Minhaj*. Makkah Dar Hira'.
- Al-Hisni, Abu Bakar bin Muhammad (2001). *Kifayah al-Akhyar fi Hill Ghayah al-Ikhtisar*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Kalyabuli, 'Abd al-Rahman bin Muhammad (1998). *Majma' al-Anhar fi Syarh Multaqa al-Abhar*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Hamawi, Ahmad bin Muhammad (1985). *Ghamz 'Uyun al-Basa'ir Syarh Kitab al-Asybah wa al-Nazair*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali (t.t.). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Al-Jizah: Al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Al-Malibari, Zayn al-Din (2004). *Fath al-Mu'in bi Syarh Qurrah al-'Ayn bi Muhimmat al-Din*. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Hattab, Muhammad bin Muhammad (t.t.). *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtasar al-Syaikh Khallil*. Mauritania: Dar al-Ridwan.
- Ibn Rusyd, Muhammad bin Ahmad (2009). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Muflih, al-Maqdisi (2003). *Al-Furu'*. Bayrut: Muasasah al-Risalah.
- Al-Sarkhasi, Syams al-Din (t.t.). *Al-Mabsut*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn al-Humam (2003). *Fath al-Qadir*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Adnan Muhammad Umamah (2001). *al-Tajdid fi al-Fikr al-Islami*. Bayrut: Dar Ibn Jawzi.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1423H). *l'lam al-Muwaq'in 'an Rab al-'Alamin*. Al-Damam: Dar Ibn Jawzi.
- Azman Ab Rahman, Mohammad Haji Alias dan Syed Mohd Najib (2012). *Zakat Institution in Malaysia: Problems and Issues*, GJAT June 2012, Vol 2, Issue 1, 35-41.
- Atiah Ahmad dan Hairunnizam Wahid (2017). *Kontrak Wakalah dalam Agihan Zakat: Kajian di Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*, Prosiding PERKEM 12, 44-54.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din bin Muhammad, (1990). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Mohd Anuar Ramli, Mohammad Naqib Hamdan (2017). *Isu Kutipan Zakat Merentasi Sempadan Negeri di Malaysia: Kajian Dari Perspektif Hukum Islam*, dlm. Najahudin Lateh et al. (eds.), *Isu-isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*, (pp. 176--188), Shah Alam: UiTM.
- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Naqib Hamdan, (2017). *Isu Kutipan Zakat Tanpa Kebenaran: Kajian Dari Perspektif Perundangan Syariah*, dlm. Najahudin Lateh et al. (eds.), *Isu-isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam*, (pp. 189--195), Shah Alam: UiTM.
- Muhammad Hafiz Badarulzaman, Alias Azhar dan Che Thalbi Md Ismail, (2017). *Kerangka Perundangan Pentadbiran Zakat di Negeri Kedah: Satu Analisis Perbandingan*", *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* Vol. 3: no. 6, 1-9

- Muhsin Nor Paizin (2013). Pelaksanaan Zakat di Wilayah Persekutuan: Satu Pemerhatian Terhadap Operasi Kutipan & Agihan Zakat, *Jurnal Hadhari* 6 (2), 97-111.
- Muhsin Nor Paizin (2016). Isu Kehilangan Pembayar Zakat: Kajian Kes di Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan Malaysia. *Proceeding of The 3rd International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2016)*, 114-120.
- Nur Hafizah Ishak dan Selamah Maamor (2013). Kajian Kecekapan Kutipan Zakat di Wilayah Persekutuan, *Prosiding PERKEM VIII*, Jilid 1, 414-425.
- Raja Muhd 'Azman, Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad (2015) "Pelaksanaan Sistem Agen Dalam Kutipan Zakat di Negeri Perlis: Isu dan Cabaran dalam Isu Kontemporari Pengurusan Dan Pembayaran Zakat di Malaysia, Nor Aini Ali, Azizi Che Seman dan Mohammad Taqiuddin (Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jabatan Syariah & Ekonomi Universiti Malaya, 2015), 37-49
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid dan Adnan Mohamad (2006). *Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia,* *International Journal of Management Studies* 13 (2), 175-196.
- Yusuf al-Qaradawi, (2006). *Al-Zakah: Dawriha fi 'Ilaj al-Mushkilat al-Iqtisadiyah wa Syurut Najahuha.* Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Portal E-Syariah, "Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri", <http://www.jksm.gov.my/index.php/awam/e-syariah/421-portal-e-syariah>
- Masyhur, Ni'Mat Abd al-Latif (1993). *Al-Zakat, al-Asas al-Syar'iyah wa al-Dawr al-Inma'i al-Tawzi'i.* Bayrut: Mu'assasat al-Jami'iyah..
- Zaydan, 'Abd al-Karim (1993). *Al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim.* Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Nuri, Qasim bin Muhammad (2004). *Al-Rawd al-Nadir al-Jami' Bayna Tuhfah al-Tullab wa al-Taysir.* Bayrut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.
- Khamis, Muhammad 'Atiyyah (t.t.). *Fiqh al-Nisa' fi al-Zakat wa al-Siyam.* Dar al-I'tisam, t.t.
- Ibn Mundhir, Muhammad bin Ibrahim (1999). *Al-Ijma'.* 'Ajman: Maktabah al-Furqan.
- Ibn Baz, 'Abd al-Aziz Ibn 'Abd Allah (1413H). *Risalatani Mujizatani fi al-Zakat wa al-Siyam.* Al-Riyad: al-Riasah al-'Ammah li Idarat al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta' wa al-Da'wah wa al-Irsyad.
- 'Abduh Ghalib Ahmad 'Isa (1988). *Kayfiyyah al-Zakat.* Bayrut: Dar al-Jil.
- Mohd Faez Mohd Shah (2014). *Mutiara Fiqh Imam Hanafi (Pengurusan Zakat).* Johor: Jahabersa.
- Al-Hisni, Abu Bakr bin Muhammad (2008), *Kifayah al-Akhyar fi Hill Ghayah al-Ikhtisar.* Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Abd Aziz Abu Bakar, Mohamad Amin Ibrahim & Shahizan Md Noh (2014). *Zakat Management and Taxation.* Kuala Lumpur: IBFIM.
- Ash Shiddieqy, Teungku Muhammad Hasbi (2006). *Pedoman Zakat.* Semarang: PT Pustaka Rizki Putra.
- Wawan Shofwan Shalehuddin (2011). *Risalah Zakat; Infak dan Sedekah.* Bandung: Tafahur.
- Al-Jazairi, Abu Bakar Jabir (2008). *Ensiklopedi Muslim*, terj. Fadhli Bahri. Jakarta: Darul Falah, 2008.
- Ibn Qudamah, Abdullah bin Ahmad (1985). *Al-Mughni.* Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Didin Hafidhuddin (2007). *Agar Harta Berkah dan Bertambah.* Jakarta: Gema Insani.
- Didin Hafidhuddin (2002). *Zakat dalam Perekonomian Modern.* Jakarta: Gema Insani.
- Andri Soemitra (2009). *Bank & Lembaga Keuangan Syariah.* Jakarta: PRENADAMEDIA.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad (2006). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran.* Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Zawini, Muhammad Syukri Ahmad (1999). *Tafsir al-Dahhak.* Al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Al-Razi, Muhammad (1981). *Mafatih al-Ghayb.* Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ahmad bin Muhammad bin Hanbal (1995). *Al-Musnad.* Al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Al-Mawardi, 'Ali bin Muhammad (1973). *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Walayah al-Diniyyah.* Misr: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Imam al-Mawardi (2000). *Al-Ahkam as-Sulthaniyyah; Prinsip-prinsip Penyelenggaraan Negara Islam,* Fadhli Bahri, Lc. terj. Jakarta: Darul Falah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din (t.t.). *Al-Asybah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Syafi'iyah.* Bayrut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiah.

- Ibn Abi Syaybah (2004). *Al-Musannaf*. al-Riyad: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn Nujaym, Zainuddin bin Ibrahim (1999). *Al-Asybah wa al-Naza'ir 'ala Madhahib Abi Hanifah al-Nu'man*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad al-Kharasyi, Syarh al-Kharasyi 'Ala Mukhtasar al-Khalil (Misr: Matba'ah al-Kubra al-Amiriyah, 1317H), 2: 223.
- Al-Ansari, Zakariya (t.t.) *Fath al-Wahhab bi Syarh Minhaj al-Tullab*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Fayad, 'Atiyyah (1999). *Fiqh al-Mu'amalat al-Maliyyah ma'a Ahl al-Dhimmah*. Misr: Dar al-Nasyr li al-Jami'at.
- Dicky Wiwitan, Hairunnizam & Mohd Ali (2016). "Cadangan melokalisasikan agihan zakat di Institusi Pengajian Tinggi: kajian di Politeknik Kota Kinabalu, Sabah". Dalam Salmy Edawati Yaacob, Ahmad Dahlan Salleh & Lukman Samsudin (eds.), *E-Prosiding Seminar Kebangsaan Emas dalam Institusi Kewangan Islan di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Khatib al-Syarbini, Muhammad (1997). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Mohd Faiz A., Hairunnizam W., Sanep A., & Muhammad Rizal J. (2016). "Faktor Penerimaan Melokalisasi Tadbir Urus Pengagihan Zakat Pelajar Tajaan Lembaga Zakat Selangor di Institusi Pengajian Tinggi". dalam Salmy Edawati Yaacob, Ahmad Dahlan Salleh & Lukman Samsudin (eds.), *E-Prosiding Seminar Kebangsaan Emas dalam Institusi Kewangan Islan di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azman A. R., Hairunnizam W. & Hairullfazli M. S. (2017). "Sejarah Lokalisasi Pengurusan Zakat di Masjid dalam Islam dan Asia Tenggara: Satu Tinjauan Awal". Kertas kerja dibentangkan di 3rd Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (3rd MFIFC), Shah Alam, 15 November 2017.
- Muhammad Rizal J., Hairunnizam W. & Sanep A. (2015). "Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan". Dalam *Prosiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis)*, hh. 81-93. Nilai: USIM.
- Al-Syirazi, Ibrahim bin 'Ali (t.t.). *al-Muhadhdhab*. al-Qahirah: Al-Maktabah al-Tawqifiyyah.
- Al-Khatib al-Syarbini, Muhammad bin Muhammad (2011). *Al-Iqna' fi Hill Alfaz Abi Syuja'*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Samiri, Muhammad bin 'Abd Allah. *Al-Mustaw'ab*. Makkah: Maktabah al-Asadi.
- Al-Muzani, Isma'il bin Yahya (1998). *Mukhtasar al-Muzani fi Furu' al-Syafi'iyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ardabili, Yusuf bin Ibrahim (2006). *Al-Anwar li A'mal al-Abrar*. Kuwayt: Dar al-Diya'.
- Ibn al-Humam (2003). *Fath al-Qadir*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sarakhsi, Syams al-Din (1978). *Al-Mabsut*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Rusyd (2009). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zabidi, Abu Bakar (2006). *Al-Jawharah al-Nayyirah Syarh Mukhtasar al-Quduri*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ramli, Muhammad bin Abi al-'Abbas (2003). *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Muflih, Muhammad (2004). *Al-Furu'*. Bayrut: Mu'asasah al-Risalah.
- Al-Ramli, Ahmad (1313H). *Hasyiah al-Ramli 'ala Asna al-Matalib*. Al-Qahirah: Matba'ah al-Maymaniyyah.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor (2016) "KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR" MJKFNS. BIL.5/2016
- Jabatan Mufti Negeri Selangor (2015) "Fatwa Zakat Perniagaan Ke Atas Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri Selangor" MJKFNS. BIL. 3/2015
- Lembaga Zakat Selangor (2016) "Berhati-Hati Dengan Individu Atau Pertubuhan Yang Kutip Zakat Tanpa Tauliah" diakses pada 28 Disember 2018 dari <https://www.zakatselangor.com.my/pengumuman/berhati-hati-dengan-individu-atau-pertubuhan-yang-kutip-zakat-tanpa-tauliah/>
- Temubual bersama Ust. Ahmad Husni Abdul Rahman, Unit Syariah dan Tugas-Tugas Khas, Pusat Pungutan Zakat, MAIWP, pada 13 September 2018
- Temubual bersama S.S. Dato' Dr. Hj. Anhar Haji Opir, Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Selangor, pada 28 September 2018.
- Temubual bersama Dr. Hajjah Adibah Abd Wahab, Ketua Divisyen Penyelidikan dan Pusat Kecemerlangan, Lembaga Zakat Selangor, pada 12 Oktober 2018.



PUSAT PUNGUTAN ZAKAT

قوسة فو غون ركة مجلس اكام اسلام واپيه فرسكتوان

ISBN 978-967-14685-9-3



9 789671 468593

PUSAT PUNGUTAN ZAKAT
Wisma PPZ, 68-1-6,
Dataran Shamelin, Jalan 4/91,
Taman Shamelin Perkasa,
56100 Kuala Lumpur.

TALIAN ZAKAT
1300 88 5757



Pusat Pungutan Zakat

www.zakat.com.my



MS ISO 9001 : 2015
CERT NO. : MY-AR 2514



MS ISO/IEC Guide 22:1999
CERT NO. : MY-AR 2514